

KEPERCAYAAN RITUAL MANDI BUNGA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN  
ANTARA MASYARAKAT DI KUALA KRAI DAN PETALING JAYA

PENSYARAH:

EN. GOOI LIANG JUN

NOOR FITRIYYAH BINTI ZULKAPLI


UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2024

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KEPERCAYAAN RITUAL MANDI BUNGA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN  
ANTARA MASYARAKAT DI KUALA KRAI DAN PETALING JAYA**

DISEDIAKAN OLEH:

**NOOR FITRIYYAH BINTI ZULKAPLI (C20A1164)**

Laporan ini dihantar untuk memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan dan Kepujian


UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## SURAT AKUAN TESIS


Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis ini adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian saya.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis in sebagai pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Noor Fitriyyah binti Zulkapli  
Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Encik Gooi Liang Jun  
Tarikh:

Nota\* sekiranya tesis ini SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur kehadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya, dapat pengkaji menyiapkan projek penyelidikan yang bertajuk “Kepercayaan Ritual Mandi Bunga di Malaysia: Perbandingan antara Masyarakat di Kuala Krai dan Petaling Jaya” dengan sempurna. Walaupun banyak cabaran dan dugaan yang terpaksa ditempuh, namun pengkaji berjaya mengatasinya dan menyiapkan projek penyelidikan dengan jayanya.

Pada kesempatan ini juga, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan pengkaji iaitu Encik Gooi Liang Jun di atas nasihat, tunjuk ajar, bantuan, bimbingan serta dorongan beliau sepanjang melaksanakan projek penyelidikan ini. Pengkaji sangat berterima kasih kepada beliau kerana selalu memberikan pandangan dan idea dalam tugas penelitian yang berada dibawah penyeliaannya agar sentiasa bertambah baik.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu pengkaji iaitu Normariza binti Mat Ali yang secara tidak langsung memberikan sokongan moral dan fizikal serta dorongan semangat kepada pengkaji agar tidak mudah berputus asa dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan di atas bantuan, semangat dan dorongan. Tidak lupa juga kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung iaitu informan pengkaji dalam bersama-sama menjayakan penghasilan projek penyelidikan ini dengan jayanya, selain memberikan pertolongan serta kerjasama sepanjang pelaksanaan penyelidikan.

Akhir sekali, pengkaji berharap agar penulisan projek penyelidikan ini dapat memberikan manfaat dan menjadi satu panduan yang baik pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih

Noor Fitriyyah binti Zulkapli  
C20A1164  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

## ABSTRAK

Amalan atau ritual mandi bunga merupakan amalan yang telah diturunkan oleh generasi terdahulu. Namun, amalan ini diamalkan dengan cara yang merosakkan akidah masyarakat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kepercayaan terhadap amalan mandi bunga masyarakat bandar dan masyarakat pekan selain mengkaji persepsi masyarakat Melayu terhadap amalan tersebut. Selain itu, objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan kepercayaan terhadap mandi bunga di kawasan bandar dan pekan serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan terhadap amalan tersebut. Di samping itu, bagi metodologi kajian, pengkaji telah menggunakan pendekatan kulitatif iaitu kaedah temu bual, di mana kaedah temu bual ini dijalankan dengan menggunakan teknik *snowball* atau bebola salji bagi mendapatkan maklumat daripada informan sehingga mencapai matlamat dalam kajian. Melalui penyelidikan ini, secara tidak langsung akan memberikan pengetahuan kepada umum mengenai perbezaan kepercayaan ritual atau amalan mandi bunga ini dalam kalangan masyarakat yang masih mengamalkannya.

**KATA KUNCI:** amalan mandi bunga, perbezaan, faktor-faktor menyumbang

## ABSTRACT

The practice or ritual of bathing flowers is a practice that has been handed down by previous generations. However, this practice is practiced in a way that damages the faith of the community. Therefore, this study was conducted to identify the belief in the practice of flower bathing in urban and rural communities as well as to study the perception of the Malay community towards the practice. In addition, the objective of this study is to identify differences in beliefs about flower bathing in urban areas and to identify factors that contribute to differences in beliefs about the practice. In addition, for the research methodology, the researcher has used a qualitative approach which is the interview method, where this interview method is carried out using the snowball technique to obtain information from the informants to achieve the goals in the study. Through this research, it will indirectly provide knowledge to the public about the differences in the ritual beliefs or practices of this flower bath among the people who still practice it.

**KEYWORDS:** flower bathing practices, differences, factors that contribute to differences

## SENARAI RAJAH, JADUAL DAN CARTA

|   | <b>MUKA SURAT</b> |
|---|-------------------|
| Rajah 1.1: Mandian Bunga  | 3                 |
| Rajah 1.5.1: Peta Kuala Krai, Kelantan  | 5                 |
| Rajah 1.5.2: Peta Petaling Jaya, Selangor   | 6                 |
| Carta Bar 1: Demografi Kaum di Kuala Krai, Kelantan 2020  |                   |
| Jadual 1: Peratusan Demografi Penduduk di Kuala Krai, Kelantan                                      | 9                 |
| Carta Bar 2: Peratusan Agama yang Dianuti Penduduk di Kuala Krai 2020                               |                   |
| Jadual 2: Peratusan Agama yang Dianuti oleh Penduduk di Kuala Krai                                  | 10                |
| Carta Bar 3: Demografi Kaum di Petaling Jaya, Selangor 2020   |                   |
| Jadual 3: Peratusan Demografi Penduduk di Petaling Jaya, Selangor                                   | 11 – 12           |
| Carta Bar 4: Peratusan Agama yang Dianuti Penduduk di Petaling Jaya 2020                            | 12                |
| Jadual 4: Peratusan Agama yang Dianuti oleh Penduduk di Petaling Jaya                               | 13                |
| Jadual 5: Jenis Cakra dan Fungsinya   | 17                |
| Jadual 6: Jenis Bunga serta Fungsi  | 19 – 20           |
| Carta Alir 1: Metodologi Kajian Proses-proses Pengumpulan Data Pengkaji                             | 24                |
| Jadual 7: Demografi Informan  | 32                |
| Carta Alir 2: Mengenal Pasti Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga                                      | 33                |
| Carta Alir 3: Mengenal Pasti Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga | 45                |

**ISI KANDUNGAN**

|                                    | <b>MUKA SURAT</b> |
|------------------------------------|-------------------|
| <b>SURAT AKUAN TESIS</b>           | iii               |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iv                |
| <b>ABSTRAK</b>                     | v                 |
| <b>ABSTRACT</b>                    | vi                |
| <b>SENARAI RAJAH</b>               | vii               |
| <br><b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>       |                   |
| 1.0 Pengenalan                     |                   |
| 1.1 Latar Belakang                 |                   |
| 1.2 Permasalahan Kajian            |                   |
| 1.3 Objektif Kajian                |                   |
| 1.4 Persoalan Kajian               |                   |
| 1.5 Skop Kajian                    | 1 - 7             |
| 1.6 Kepentingan Kajian             |                   |
| 1) Kepentingan kepada Pengkaji     |                   |
| 2) Kepentingan kepada Masyarakat   |                   |
| 1.7 Kesimpulan                     |                   |
| <br><b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>  |                   |
| 2.0 Pengenalan                     |                   |
| 2.1 Demografi                      | 8 - 23            |
| 2.2 Perbezaan terhadap Kepercayaan |                   |

- 2.2.1 Aspek Keagamaan
  - 2.2.2 Aspek Kepercayaan Masyarakat
- 2.3 Kesimpulan

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

- 3.0 Pengenalan
- 3.1 Reka Bentuk Kajian
- 3.2 Kaedah Kajian
  - 3.2.1 Kaedah Kualitatif
- 3.3 Teknik Pengumpulan Data
  - 3.3.1 Kaedah Primer
    - 1) Kaedah Temu Bual 24 - 30
  - 3.3.2 Kaedah Sekunder
    - 1) Kaedah Perpustakaan
    - 2) Sumber Internet
- 3.4 Persampelan Data
- 3.5 Analisis Kajian

### **BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

- 4.0 Pengenalan
- 4.1 Latar Belakang Informan Kajian
- 4.2 Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga di Kawasan Bandar dan Pekan
  - 4.2.1 Fungsi atau Tujuan Mandi Bunga dan Perbezaan Tujuan

- 4.2.2 Jenis Bunga yang Digunakan
  - 4.2.3 Mandi Bunga Lebih Kerap Berlaku dalam Konteks Ritual
  - 4.2.4 Amalan yang Bertentangan dengan Ajaran Agama Islam
  - 4.2.5 Peraturan-peraturan Mandi Bunga yang Perlu Diikuti
  - 4.2.6 Pantang Larang Mandi Bunga
- 4.3 Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga

31 - 53

- 4.3.1 Latar Belakang atau Asal Usul Kepercayaan Mandi Bunga
- 4.3.2 Pemujaan Mistik atau Makhluk Halus
- 4.3.3 Faktor Budaya dan Tradisi Tempatan Mempengaruhi Cara Mandi Bunga

#### 4.4 Perbincangan Kajian

- 4.4.1 Mengenal Pasti Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga di Kawasan Bandar dan Pekan
- 4.4.2 Mengenal Pasti Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga

### BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

#### 5.1 Cadangan

- 5.1.1 Mewujudkan Pendokumentasian Mengenai Mandi Bunga
- 5.1.2 Mendokumentasikan Amalan Mandi Bunga
- 5.1.3 Memartabatkan Ilmu Perubatan Tradisional
- 5.1.4 Menganjurkan Kempen Cintai Warisan

54 - 57

5.2 Kesimpulan

**RUJUKAN**

58 – 60

**LAMPIRAN**

61 - 70

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Kepelbagaiannya warna serta haruman yang mewangi membuatkan jambangan bunga menjadi sangat istimewa dan sering digunakan sebagai salah satu hadiah, namun bagi sesetengah masyarakat mempercayai bahawa setiap jenis bunga mempunyai kelebihan serta kekuatan tersendiri sehingga mampu membantu manusia daripada ditimpa nasib malang. Walau bagaimanapun, perkara ini sangat sinonim dengan amalan-amalan atau ritual mistik sejak zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat dahulu mewujudkan satu ritual yang sering diamalkan iaitu ritual mandi bunga. Mandi bunga merupakan salah satu ritual yang dikaitkan dengan kepercayaan mistik dan menggunakan tujuh jenis bunga yang berbeza-beza bagi memberikan tindak balas kepada manusia. Antara bunga yang digunakan bagi menjalankan ritual tersebut ialah bunga senduduk putih, bunga melati, bunga kenanga, bunga kemboja, bunga melor, bunga harum sundal malam, dan bunga tanjung.


Mandi bunga merupakan satu amalan atau ritual secara turun temurun yang dilakukan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Terapi mandi bunga berpotensi diamalkan sebagai salah satu rawatan dan pencegahan kepada penyakit mental yang semakin meningkat sebanyak dua kali ganda sejak sepuluh tahun lalu (Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, 28 September 2016). Manakala, terapi mandian bunga merupakan salah satu amalan dalam perubatan masyarakat Melayu sehingga kini Siti Sofia (24 Mac 2018). Namun, terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa terapi mandian bunga ini bertujuan untuk meningkatkan aura, kecantikan serta meningkatkan “seri pengantin”.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan tajuk “Kepentingan Ritual Mandi Bunga di Malaysia: Perbandingan Antara Masyarakat di Kuala Krai dan Petaling Jaya” sebagai salah satu ritual atau amalan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Melalui hasil kajian ini, pengkaji dapat mengetahui bahawa ritual ini mempunyai pelbagai jenis kepentingan sekiranya diamalkan oleh masyarakat Melayu. Hasil kajian ini sedikit sebanyak mampu membuatkan pengkaji mendedahkan subtopik mengenai latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian mengenai kajian yang dikaji.

### **1.1 LATAR BELAKANG**

Mandi bunga merupakan salah satu ritual atau amalan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak berkurun lamanya. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, mandi bunga membawa maksud kepada mandi dengan menggunakan air bercampur dengan pelbagai jenis bunga dan dibaca mantera atau jampi, serta dapat mengatasi suatu penyakit dan dipercayai mampu membantu anak dara yang sudah lanjut usianya atau andartu dalam mendapatkan jodoh.

Ritual mandi bunga ini juga mengandungi unsur-unsur sinkretisme antara Hindu-Buddha, “Islam Popular” dan kepercayaan Dinamisme. Dinamisme merupakan kepercayaan terhadap “tenaga tidak berperibadi” dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda hidup, perkataan yang diucapkan atau ditulis, tanda-tanda yang dirakam dan sebagainya. Sebagai contoh, peralatan keris atau tombak yang mempunyai kuasa ghaib dan dianggap suci oleh sesebuah masyarakat. Selain itu, terdapat juga unsur-unsur Islam yang diterapkan dalam ritual ini, dimana pengamal dikehendaki untuk berselawat, membaca surah-surah tertentu malahan pengamal perlu menghadap kiblat dan diminta untuk mandi ketika azan sedang bergema (O.K Rahmant S.H 1983:8).



Rajah 1.1: Mandian Bunga

Sumber: *Google*

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut John Dewey (2010), permasalahan kajian merupakan satu pengaruh yang sangat besar dalam sesbuah penyelidikan. Walau bagaimanapun, terdapat dua permasalahan kajian yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Antaranya kepercayaan terhadap amalan mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian kerana kepercayaan terhadap amalan mandi bunga ini berbeza-beza antara masyarakat di bandar dan juga di pekan. Terdapat sesetengah masyarakat yang mengamalkan amalan ini bertujuan untuk menjalankan ritual pemujaan makhluk halus dan kepercayaan mistik sehingga merosakkan akidah mereka.

Di samping itu, permasalahan ini timbul akibat daripada persepsi masyarakat terhadap amalan mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sesetengah masyarakat kini beranggapan bahawa amalan mandi bunga ini hanya digunakan sebagai satu ritual bagi membuang sial dan sebagainya.

### **1.3    OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi mendapatkan maklumat serta menjawab permasalahan kajian, pengkaji telah mengemukakan sebanyak dua objektif kajian terhadap “Kepercayaan Ritual Mandi Bunga di Malaysia: Perbandingan antara Masyarakat di Kuala Krai dan Petaling Jaya”. Berikut merupakan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji bagi kajian ini:

1. Mengenal pasti perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan.
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan mandi bunga.

### **1.4    PERSOALAN KAJIAN**

Menerusi kajian ini, pengkaji telah mengemukakan dua persoalan kajian yang telah dinyatakan bagi mencapai objektif pada kajian yang dijalankan. Berikut merupakan beberapa persoalan kajian yang telah dikenalpasti:

1. Apakah perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan di pekan?
2. Mengapa wujudnya perbezaan kepercayaan mandi bunga antara masyarakat di bandar dan masyarakat di pekan?


### **1.5    SKOP KAJIAN**

Skop kajian merupakan skop yang dijalankan dengan penuh teliti serta terperinci dalam menjalani sesuatu kajian. Skop kajian juga merupakan perkara yang perlu ditetapkan agar pengkaji tidak melebihi batasan kajian dalam mencapai keperluan pengkaji sahaja. Dalam penyelidikan yang dijalankan ini, skop kajian hanya menumpukan lokasi kajian iaitu di Kuala Krai, Kelantan dan juga di Petaling Jaya, Selangor. Antara faktor pemilihan ritual mandi bunga ini adalah kerana ritual ini

mempunyai kepercayaan yang berbeza-beza dalam kalangan masyarakat semenjak kemunculan perkembangan teknologi. Pengkaji telah menetapkan masyarakat yang berusia antara 27 tahun sehingga 70 tahun sebagai informan temu bual bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian.

Sejajar dengan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji, skop kajian dijalankan keatas ritual mandi bunga yang terdapat di Kuala Krai, Kelantan dan Petaling Jaya, Selangor. Pengkaji hanya memfokuskan kajian mengenai pengenalpastian perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan mandi bunga.

Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat tambahan serta menyokong kajian yang dijalankan.



Rajah 1.5.1: Peta Kuala Krai, Kelantan

Sumber: *Google Maps*



Rajah 1.5.2: Peta Petaling Jaya, Selangor

Sumber: *Google Maps*

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini merujuk kepada “Kepercayaan Ritual Mandi Bunga di Malaysia: Perbandingan antara Masyarakat di Kuala Krai dan Petaling Jaya”. Kepentingan kajian ini bukan sahaja memberikan kepentingan kepada pengkaji malahan turut memberikan kepentingan kepada masyarakat. Antara kepentingan kepada pengkaji ialah pengkaji dapat memenuhi keperluan dan menjawab objektif yang telah disenaraikan iaitu mengenal pasti perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan. Menerusi kajian ini juga pengkaji dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan mandi bunga antara masyarakat-masyarakat di bandar dan pekan.

Di samping itu, kajian ini juga penting kepada masyarakat agar masyarakat lebih menghargai keunikan adat budaya manusia pada zaman dahulu selain memartabatkan

adat ini mengikut kefahaman masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi muda perlu menghargai keunikan adat masyarakat agar tidak lapuk dek zaman.

### **1.7 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, melalui Bab 1 ini telah dijelaskan bahawa secara keseluruhan mengenai kajian ini, pengkaji ingin menjalankan kajian “Kepercayaan Ritual Mandi Bunga di Malaysia: Perbandingan antara Masyarakat di Kuala Krai dan Petaling Jaya”. Selain itu, objektif kajian dirangka adalah untuk mendapatkan maklumat serta menjawab permasalahan kajian dalam penyelidikan ini. Melalui kajian ini, pengkaji turut menyatakan permasalahan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian ini dijalankan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 PENGENALAN


Kajian literatur merupakan komponen yang paling penting bagi menjalankan penyelidikan kajian. Kajian literatur ini juga merupakan maklumat yang telah diulas serta dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang. Kajian ini boleh diperoleh daripada jurnal, buku, penyelidikan lepas (tesis) dan sebagainya.

#### 2.1 DEMOGRAFI

##### 1. Demografi di Kuala Krai, Kelantan

Demografi merupakan satu kajian sains yang mengkaji bilangan, taburan, populasi dan perubahan serta punca berlakunya perubahan yang biasanya berlaku sewaktu kelahiran, kematian, penghijrahan dan juga status (Philip M. Hauser & Dudley Duncan, 1959). Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama, dan keturunan. Antara kaum yang terbesar menduduki negara ini adalah kaum Melayu, Cina dan India, manakala terdapat juga penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia. Sebagai contoh, orang asli dan terbahagi kepada tiga kumpulan besar iaitu kaum Negrito, Senoi, dan Melayu Proto. Walau bagaimanapun, Kelantan antara negeri majoriti penduduknya merupakan kaum Melayu dan penganut agama Islam yang terbesar di negeri itu. Carta Bar 1 di bawah menunjukkan taburan kaum yang berada di daerah Kuala Krai pada tahun 2020 mengikut bancian yang telah dijalankan.

Demografi Kaum di Kuala Krai 2020



Carta Bar 1: Demografi Kaum di Kuala Krai, Kelantan 2020


| KAUM              | PERATUSAN (%) |
|-------------------|---------------|
| Melayu            | 95.4          |
| Cina              | 3.5           |
| India             | 0.8           |
| Lain-lain         | 0.2           |
| Bukan Warganegara | 3.6           |

Jadual 1: Peratusan Demografi Penduduk di Kuala Krai, Kelantan

Selain itu, negeri Kelantan juga mempunyai kumpulan agama yang terbesar dianuti iaitu agama Islam. Agama Islam ini merupakan agama terbesar yang dianuti oleh masyarakat yang terdapat di negeri Kelantan. Setelah agama Islam, masyarakat Kelantan juga turut menganut agama Buddha, Hindu, Kristian,

dan lain-lain manakala selebihnya tidak mempunyai agama atau lebih dikenali sebagai atheist. Carta Bar 2 di bawah menunjukkan peratusan agama yang dianuti oleh penduduk di Kuala Krai, Kelantan.

Peratusan Agama yang Dianuti Penduduk di Kuala Krai 2020




Carta Bar 2: Peratusan Agama yang Dianuti Penduduk di Kuala Krai 2020

| AGAMA                         | PERATUSAN (%) |
|-------------------------------|---------------|
| Islam                         | 94.9          |
| Buddha                        | 3.4           |
| Kristian                      | 0.3           |
| Hindu                         | 0.9           |
| Lain-lain                     | 0.1           |
| Tiada Agama @ Tidak Diketahui | 0.5           |

Jadual 2: Peratusan Agama yang Dianuti oleh Penduduk di Kuala Krai

## 2. Demografi di Petaling Jaya, Selangor

Petaling Jaya merupakan daerah yang termaju di dalam negeri Selangor sehingga diisytiharkan sebagai Bandaraya pada 20 Jun 2006. Hal ini telah mengakibatkan berlakunya migrasi daripada penduduk-penduduk negeri lain bagi mendapatkan peluang pekerjaan di bandar tersebut. Oleh itu, pada tahun 2020, penduduk di Petaling Jaya telah mengalami pertambahan. Walau bagaimanapun, kaum Melayu merupakan kaum yang terbesar di daerah tersebut dan diikuti dengan kaum Cina, India, lain-lain serta bukan warganegara. Carta Bar 3 di bawah menunjukkan demografi kaum yang terdapat di daerah Petaling Jaya pada tahun 2020.



Carta Bar 3: Demografi Kaum di Petaling Jaya, Selangor 2020


| KAUM   | PERATUSAN (%) |
|--------|---------------|
| Melayu | 47.73         |
| Cina   | 33.19         |

|                   |      |
|-------------------|------|
| India             | 9.21 |
| Lain-lain         | 0.61 |
| Bukan Warganegara | 0.7  |

Jadual 3: Peratusan Demografi Penduduk di Petaling Jaya, Selangor

Agama Islam merupakan agama yang terbesar dianuti oleh penduduk di Petaling Jaya menurut bancian yang dijalankan pada tahun 2020. Selain itu, penduduk Petaling Jaya juga menganut agama Buddha diikuti dengan agama Hindu, agama Kristian, lain-lain agama dan juga terdapat penduduk yang tidak mempunyai agama. Carta Bar 4 di bawah menunjukkan peratusan agama yang dianuti oleh penduduk di daerah tersebut.

Peratusan Agama yang Dianuti Penduduk di Petaling Jaya 2020



Carta Bar 4: Peratusan Agama yang Dianuti Penduduk di Petaling Jaya 2020

| AGAMA       | PERATUSAN (%) |
|-------------|---------------|
| Islam       | 53.4          |
| Buddha      | 27.2          |
| Hindu       | 9.7           |
| Kristian    | 7.6           |
| Lain-lain   | 1.1           |
| Tiada Agama | 0.9           |

Jadual 4: Peratusan Agama yang Dianuti oleh Penduduk di Petaling Jaya

## 2.2 PERBEZAAN TERHADAP KEPERCAYAAN

### 1) Aspek Keagamaan

Agama merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan harian manusia (Razali & Wahab, 2021). Menurut Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat, agama membawa maksud kepada kepercayaan kepada Tuhan serta kekuasaan dan sifat-sifat Tuhan disamping menerima setiap ajaran-Nya dan perintah daripada-Nya, percaya pada Maha Kuasa; agama Islam, agama Kristian. Malaysia merupakan salah satu negara yang bebas untuk beragama. Antara agama yang terbesar dianuti oleh penduduk di Malaysia adalah agama Islam, agama Hindu, agama Buddha dan agama Kristian.

#### a) Agama Islam

Menurut perspektif agama Islam, akidah merupakan satu pegangan yang kuat serta keyakinan yang tinggi menjurus kepada iman seseorang penganut agama Islam. Selain itu, akidah juga merupakan satu

kepercayaan atau keputusan tanpa sebarang keraguan tentang kesahihan atau kemosykilan mengenai akidah terhadap sesuatu ritual atau amalan. Seterusnya, menurut Daisy Paul et al. (2019), di dalam kajiannya yang bertajuk “*Interpretasi Ritual Mandi Kalangan Masyarakat di Malaysia*”. Dalam penulisan jurnal ini menerangkan bahawa sesebuah masyarakat yang menjalani kehidupan yang berlandaskan ritual atau amalan yang telah diturunkan oleh nenek moyang kepada generasi-generasi kini. Setiap amalan yang diturunkan pastinya mempunyai peraturan-peraturan yang tersendiri sehingga menjadi satu kebiasaan bagi sesebuah masyarakat mengamalkan amalan tersebut. Secara tidak langsung, ritual atau amalan tersebut diterima oleh masyarakat dan panduan yang ditetapkan bagi dilaksanakan secara berterusan oleh masyarakat. Hal ini akan menyebabkan masyarakat terlalu taksub terhadap sesuatu ritual atau amalan sehingga mereka mengabaikan pegangan akidah.

Walau bagaimanapun, menurut Ahmad Najaa Mokhtar et al. (2018), mengkaji “*Fenomena Kepercayaan dan Amalan Masyarakat dalam Perubatan Islam di Malaysia*”. Pernyataan ini dibuktikan dengan kenyataan yang dikeluarkan melalui artikel ini adalah mengenai ritual mandi bunga mengikut ajaran Islam yang tidak dianggap bertentangan sekiranya ritual ini digunakan sebagai salah satu rawatan alternatif bagi penyakit bukan konvensional. Dalam proses pengamalan ritual mandi bunga ini, pengamal atau perawat hendaklah seorang yang berilmu, mempunyai pegangan akidah yang teguh dan mempunyai sifat rendah diri kerana setiap proses penyembuhan itu hanya berlaku di atas kehendak dari Allah S.W.T. Sehubungan dengan ini, pesakit hendaklah yakin bahawa

setiap proses penyembuhan itu hanyalah datang daripada Allah S.W.T dengan izin-Nya. Di samping itu, pesakit yang tidak berkemampuan untuk sembuh dengan sendirinya hendaklah meminta bantuan daripada pengamal atau perawat sebagai satu ikhtiar dan bukan menggunakan alternatif yang haram sehingga melanggar syariat agama Islam lalu merosakan pegangan akidah sehingga mengakibatkan timbulnya sifat menyekutukan Allah S.W.T serta berlakunya perbuatan syirik. Perkara ini telah dijelaskan dalam surah al Baqarah, yang bermaksud:

Surah al Baqarah:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّابَرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْحَشِيعَيْنَ (٤٥)

الَّذِينَ يَظْهُونَ أَنَّهُمْ مُلْفُوْرَبِهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَجُوْنَ (٤٦)

(Surah al Baqarah: Ayat 45-46)

Maksudnya:

*“Dan mintalah pertolongan (Allah) dengan sabar dan solat. Dan sesungguhnya hal yang sangat berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyuk, (iaitu) orang-orang yang meyakini, bahawa mereka akan menemui Rabb mereka dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya”.*

Oleh itu, kajian ini menjadi rujukan kepada pengkaji dalam melaksanakan penyelidikan kajian.

### b) Agama Hindu (*Hinduism*)

Melalui kepercayaan agama Hindu, ritual atau amalan mandi bunga merupakan satu amalan yang bersifat kerohanian. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut penganut mazhab Vishnu, ritual ini akan dijalankan pada bulan kelapan dalam kalender Hindu hari Jumaat petang malahan ritual mandi bunga ini juga merupakan ritual tahunan yang dilakukan pada upacara keagamaan yang dipanggil “Karthika Brahmotsavam”. Selain itu, penganut agama Hindu juga menggunakan kunyit dalam ritual mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian kerana kunyit bertindak sebagai herba yang mengandungi antigen yang kuat bagi menghalang jangkitan daripada bakteria, virus serta dapat meningkatkan antibodi manusia serta mempunyai khasiat yang tersendiri selain digunakan dalam masakan harian (Wawan & Semeru, 2018).

Walau bagaimanapun, tumbuh-tumbuhan mempunyai banyak kelebihan dalam pelaksanaan ritual dalam kepercayaan agama Hindu. Sebagai contoh, buah limau purut yang berfungsi sebagai penghalau hantu dan juga syaitan, bentuk bulatnya limau tersebut mewakili bulatnya dunia serta dikenali sebagai “*chakra*” dalam makrokosmos Falsafah Occultisme Hinduisme.

Menurut Bahasa Sanskrit, cakra membawa maksud “roda yang berputar”. Cakra berfungsi sebagai satu pusat keluar dan masuknya sesuatu tenaga. Hal ini dikatakan demikian kerana tenaga yang diserap akan disimpan dalam cakra dan disebarluaskan ke seluruh tubuh badan pada bahagian yang memerlukan. Tubuh badan kita mempunyai 7 jenis cakra

dan tiga bahagian aspek chakra. Menurut laman *Gramedia Blog* (2021), terdapat 7 jenis cakra mengikut agama Hindu antaranya, *chakra Muladhara* (asas), *chakra Swadisthan* (seks), *chakra Manipura* (solar), *chakra Anahata* (jantung), *chakra Visuddhi* (tekak), *chakra Ajna* dan akhir sekali *chakra Sahasrara* (mahkota). Jadual 5 di bawah menunjukkan fungsi cakra-cakra dalam tubuh badan. Antaranya:

| BIL. | JENIS CAKRA                       | FUNGSI  |
|------|-----------------------------------|---|
| 1    | <i>Chakra Muladhara</i> (asas)    | Gambaran yang berkonsepkan tenaga roh, dimana tenaga ini merupakan tenaga yang sangat lembut dengan garis tenaga yang besar dan tidak terputus. |
| 2    | <i>Chakra Swadisthan</i> (seks)   | Gambaran yang berkonsepkan tenaga jiwa. Hampir sama dengan <i>Chakra Muladhara</i> tetapi tenaganya lebih kecil.                                |
| 3    | <i>Chakra Manipura</i> (solar)    | Gambaran yang berkonsepkan tenaga fizikal manusia apabila tenaga dilihat sebagai graf.  |
| 4    | <i>Chakra Anahata</i> (jantung)   | Tenaga yang berkonsepkan ketuhanan, dimana ia merupakan salah satu tenaga yang bersifat kompleks.   |
| 5    | <i>Chakra Visuddhi</i> (tekak)    | Tenaga yang membentuk kesedaran jiwa.   |
| 6    | <i>Chakra Ajna</i>                | Tenaga yang membentuk kesedaran terhadap alam semesta.  |
| 7    | <i>Chakra Sahasrara</i> (mahkota) | Berkonsepkan tenaga yang membentuk kesedaran terhadap Ilahi.  |

Jadual 5: Jenis Cakra dan Fungsinya

Melalui keseimbangan antara aspek iaitu keinginan, kekuatan, pemikiran serta emosi akan memberikan kesihatan yang baik dan kondisi tubuh badan akan terjamin. Kebanyakkan tenaga yang mengalir dalam cakra akan menjadikan organ-organ tubuh badan kita berada dalam keadaan baik.

### c) Agama Buddha (*Buddhism*)

Menurut Labib (2019), menerusi kajian “*Interpretasi Ritual Mandi Kalangan Masyarakat di Malaysia*”. Dalam penulisan ini menerangkan bahawa penganut agama Buddha juga mengamalkan ritual mandi bunga. Dalam proses pengamalan ritual ini, bunga merupakan bahan utama serta berfungsi sebagai agen pewangi dalam air mandian yang dihasilkan. Penggunaan air bunga juga dianggap suci oleh masyarakat Cina serta air suci tersebut akan disiramkan pada patung Buddha sewaktu sambutan Hari Wesak. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merupakan simbolik kepada individu yang menjalankan ritual mandi bunga.

Selain itu, ritual ini juga merupakan satu simbolik kepada pembersihan dan penyucian diri individu secara mental dan fizikal. Menurut Ketua Biara Dhammadipa Arama, Bhikkhu Khantidharo Mahāthera dalam Times Indonesia berkata, ritual memandikan patung Buddha ini dapat membersihkan fikiran seseorang agar hati menjadi sangat tenteram dan tenang. Ritual ini dijalankan dengan cara air akan dicampurkan dengan bunga-bungaan yang disediakan di dalam jag sebelum dituangkan ke atas patung Buddha dengan menggunakan senduk. Walau bagaimanapun, sebelum memandikan patung Buddha, penganut agama Buddha hendaklah memberi isyarat anjali atau tanda hormat terlebih dahulu kepada patung Buddha sebelum memulakan ritual tersebut.

## 2) Kepercayaan Masyarakat

Masyarakat adalah sebuah kumpulan manusia yang hidup bersama disuatu tempat atau disuatu aturan yang telah ditentukan (Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat).

### a) Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu mempercayai bahawa ritual atau amalan mandi bunga mampu membuang nasib malang dalam tubuh anak gadis. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu juga mempercayai bahawa setiap jenis bunga yang digunakan dalam ritual ini mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Antara bunga yang digunakan adalah bunga mawar merah dan mawar putih, bunga cempaka putih dan kuning, bunga melur putih dan kuning, serta bunga kenanga selain menggunakan limau nipis, limau susu atau limau purut dalam ritual mandi bunga ini (Ahmad Najaa et al., 2018). Jadual 6 di bawah menunjukkan jenis bunga serta fungsi bunga tersebut dalam ritual tersebut.

| BIL. | JENIS BUNGA         | FUNGSI   |
|------|---------------------|--|
| 1    | Bunga Mawar Merah   | Memberikan keberanian dan menambahkan tenaga serta keyakinan individu. |
| 2    | Bunga Mawar Putih   | Memberikan kesegaran kepada tubuh badan dan nyaman serta suci.         |
| 3    | Bunga Cempaka Putih | Melembutkan kulit dan memberikan aroma yang harum.                     |
| 4    | Bunga Melur Kuning  | Menyucikan dalaman seseorang.  |

|          |                   |   |
|----------|-------------------|---|
| <b>5</b> | Bunga Melur Putih | Merapatkan bahagian intim.  |
| <b>6</b> | Bunga Kenanga     | Menjadi penaik seri dan menimbulkan keghairahan.  |
| <b>7</b> | Limau Nipis       | Memberikan kesegaran kepada seseorang dan menghilangkan daki serta kotoran pada badan.                              |
| <b>8</b> | Limau Susu        | Menjadikan kulit lembut serta memberikan keanjalan pada kulit.  |
| <b>9</b> | Limau Purut       | Mampu membuka pori bagi menghilangkan kotoran dan membantu dalam penyerapan haruman bunga ke dalam kulit seseorang. |

Jadual 6: Jenis Bunga serta Fungsi

Melalui penggunaan kepelbagaian bunga dalam ritual mandi bunga, masyarakat Melayu juga mempercayai bahawa bunga-bunga tersebut mampu memberikan atau mengeluarkan satu aura yang positif kepada gadis bagi mendapatkan jodoh selain ritual mandi bunga ini juga akan dilakukan sebelum bergelarnya raja sehari.

#### b) Masyarakat Melayu Sarawak

Mandi bunga juga merupakan salah satu terapi mandian yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak sebagai perubatan tradisional. Melalui terapi mandian ini, pesakit dapat menjalani proses pemulihan dari segi rohani dimana pesakit tersebut menghadapi masalah gangguan mental atau akal fikiran, lemah semangat, perasaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terapi mandian ini dapat dilakukan dengan baik bergantung kepada jenis-jenis penyakit yang dihadapi oleh

pesakit. Antara jenis terapi mandian dalam perubatan tradisional Melayu termasuk Melayu Sarawak adalah terapi mandian limau, terapi mandian bunga, terapi mandian herba, terapi mandian air sejuk dan sebagainya (Nornizam, 2018).

Berdasarkan kepercayaan masyarakat Melayu Sarawak, mandi bunga juga lazimnya digunakan bagi membuang “sial” atau keburukan dan mempercepatkan jodoh seseorang selain daripada menyegarkan badan pengantin dan juga ibu-ibu yang lepas bersalin. Walau bagaimanapun, bagi menjalankan amalan mandi bunga, masyarakat Melayu Sarawak menggunakan tujuh jenis bunga yang telah dikhaskan di kawasan perkuburan. Namun, terdapat beberapa jenis bunga yang dilarang digunakan bagi tujuan mandi bunga, antaranya bunga nerjas, bunga tanjung atau bunga kemboja (Rosnah Mustafa et al., 2014).

### c) Masyarakat Cina

Masyarakat Cina mengamalkan mandi bunga bertujuan untuk membuang perkara-perkara “sial”, selain mempercayai bahawa mandi bunga juga dapat menjauhkan perkara atau nasib malang serta mampu mendatangkan tuah atau kebaikan kepada seseorang. Ritual ini juga digunakan bertujuan untuk membuang nasib buruk individu yang mengalami peristiwa kurang menyenangkan, contohnya kemalangan atau mengalami kerugian dalam perniagaan yang dijalankan. Selain itu, sebelum menjalankan ritual ini, masyarakat Cina perlu mendapatkan khidmat nasihat pakar atau lebih dikenali sebagai *sifu* (Labib, 2019).

Walau bagaimanapun, masyarakat Cina juga turut mengadakan upacara mandi bunga yang digelar sebagai mandi bunga 7 warna pada hari sambutan Tahun Baru Cina. Upacara ini dilakukan pada waktu petang sebelum menjalankan upacara keagamaan sebagai satu simbol membersihkan atau menyucikan diri daripada dosa yang telah disengajakan atau tidak disengajakan.

#### d) Masyarakat India

Ritual mandi bunga ini juga dilaksanakan pada hari Thaipusam di mana ritual ini dijalankan ke atas bakal pengantin perempuan sebelum bermulanya majlis perkahwinan atau kanak-kanak perempuan yang akil baligh buat kali pertama. Melalui pelaksanaan ritual ini mampu memberikan jiwa serta fikiran positif dalam mengharungi segala rintangan yang bakal mendatang dalam alam perkahwinan. Selain itu, ritual ini juga akan diakhiri dengan cara pengantin perempuan akan memecahkan kendi yang digunakan dalam ritual tersebut sebagai tanda menolak segala bala yang datang atau anasir-anasir jahat (Heny Perbowosari, 2015).

### 2.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhan Bab 2 ini, pengkaji telah menyatakan beberapa penyelidikan atau tinjauan mengenai kajian-kajian lepas yang telah dijalankan bagi menyokong serta membantu dalam penyelidikan serta penulisan kajian ini. Sehubungan dengan itu, segala maklumat-maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber ini dapat dijadikan

sebagai salah satu panduan dalam penulisan. Melalui Bab 2 ini juga, pengkaji turut menyatakan beberapa perkara bagi mencapai objektif kajian dalam penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Menurut Hornby (1985), metodologi kajian membawa maksud kepada kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian. Dalam konteks lain, metodologi kajian juga didefinisikan sebagai ilmu mengenai metodologi atau disiplin yang digunakan dalam menjalankan kajian tertentu bagi mencapai tujuan serta menjalankan penyelidikan dengan lebih efektif dalam menjawab permasalahan yang dihadapi. Oleh itu, terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian bagi menyokong, mendapatkan data dan maklumat. Antaranya kaedah kualitatif. Carta Alir 1 dibawah merupakan proses-proses pengumpulan data pengkaji.



Carta Alir 1: Metodologi Kajian Proses-proses Pengumpulan Data Pengkaji

#### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Chan Yan Piaw (2006), reka bentuk kajian ini didefinisikan sebagai satu tatacara bagi mengumpulkan dan mengolah data berdasarkan perancangan yang sistematis dan melibatkan pemboleh ubah dalam kajian yang dijalankan.

### **3.2 KADEAH KAJIAN**

#### **3.2.1 Kaedah Kualitatif**

Menurut Lexy (2007), pendekatan kualitatif ini merupakan prosedur penyelidikan yang menghasilkan data dan memberikan pemahaman mengenai tingkah laku manusia. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data serta maklumat dengan cara temu bual. Dengan penggunaan kaedah ini, pengkaji dapat memenuhi objektif kajian dalam menjalankan kajian.

### **3.3 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

#### **3.3.1 Data Primer**

Menurut Yusof (2003), data primer merupakan sumber asal yang telah dikumpulkan bagi menjawab semua persoalan kajian yang dikaji. Data-data ini dikumpulkan dengan menggunakan proses eksperimental atau kajian lapangan. Berikutnya merupakan data primer yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

##### **1) Kaedah Temu Bual**

Temu bual perlulah bersifat reflektif serta mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar sehingga menimbulkan fenomena dan bukannya sekadar dijadikan sebagai wadah pengumpulan maklumat sahaja (Denzin, 2001).

Pengkaji telah memilih kaedah temu bual separa berstruktur atau semi-struktur bagi mendapatkan maklumat audio daripada informan. Pengkaji akan berkomunikasi secara bersemuka dengan informan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci mengenai kajian yang

dikaji. Pengkaji juga telah merancang beberapa teknik bagi merangka soalan-soalan temu bual. Antaranya pengkaji akan menetapkan matlamat serta tujuan bagi memudahkan informan memahami kehendak kajian. Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan soalan terbuka bagi menggalakkan perbincangan dengan lebih meluas agar tidak mengehadkan sumber dengan pilihan yang tertentu bersama informan dan mengelakkan penggunaan soalan yang terlalu umum sehingga boleh menghasilkan jawapan yang kurang bermaklumat mengenai kajian. Di samping itu, pengkaji juga akan memastikan penggunaan bahasa yang jelas agar tidak mengelirukan informan dan mempertimbangkan susunan soalan temu bual. Sebagai contoh, pengkaji akan memulakan pertanyaan dengan soalan yang lebih mudah kemudian perlahan-lahan menuju kepada soalan yang lebih mendalam. Akhir sekali, pengkaji akan menjalankan pengujian terhadap soalan temu bual terlebih dahulu agar soalan yang ingin diajukan mudah difahami dengan berkesan serta dapat mempersiapkan diri sebelum menemu bual informan.

Temu bual ini diadakan selepas mendapat persetujuan daripada informan melalui rakaman audio bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dikaji. Segala maklumat serta identiti informan hanya digunakan dalam pengumpulan maklumat sahaja secara persetujuan daripada informan dan maklumat tersebut akan dirahsiakan atau tidak didedahkan kepada pihak umum. Di bawah merupakan soalan yang akan diajukan kepada informan bagi mendapatkan maklumat mengenai penyelidikan ini. Antaranya:



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### BORANG TEMU BUAL

#### PROJEK PENYELIDIKAN

#### TAJUK PENYELIDIKAN:

KEPERCAYAAN RITUAL MANDI BUNGA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN  
ANTARA MASYARAKAT DI KUALA KRAI DAN PETALING JAYA

#### MAKLUMAT PENYELIDIK

NAMA: NOOR FITRIYYAH BINTI ZULKAPLI

NO. MATRIK: C20A1164

#### Makluman Kepada Informan :

Tuan/puan telah dipilih secara rawak untuk menjadi informan kajian yang sedang pengkaji jalankan. Tuan/Puan diminta untuk menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan di bawah temu bual ini bagi memenuhi keperluan Projek Penyelidikan 2023/2024. Temu bual ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan mandi bunga. Segala maklumat yang diberikan oleh Tuan/Puan akan dirahsiakan dan hanya digunakan sebagai keperluan.

## BORANG TEMU BUAL PROJEK PENYELIDIKAN

### TAJUK: KEPERCAYAAN RITUAL MANDI BUNGA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN ANTARA MASYARAKAT DI KUALA KRAI DAN PETALING JAYA

#### **BAHAGIAN A: MAKLUMAT INFORMAN**

Arahan: Maklumat am dan soalan-soalan temu bual ini dikemukakan secara lisan oleh informan. Maklumat ini hanya kegunaan kajian sahaja.

|                  |  |
|------------------|--|
| <b>UMUR</b>      |  |
| <b>PEKERJAAN</b> |  |

#### **BAHAGIAN B: SOALAN TEMU BUAL**

##### **OBJEKTIF 1: PERBEZAAN KEPERCAYAAN MANDI BUNGA DI KAWASAN BANDAR DAN PEKAN**

| <b>BIL.</b> | <b>SOALAN TEMU BUAL</b>   |
|-------------|---|
| <b>1</b>    | Apakah fungsi atau tujuan mandi bunga dan perbezaan tujuan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan?                       |
| <b>2</b>    | Berapakah jenis bunga dan bunga apakah yang digunakan dalam amalan ini? Mengapa?  |
| <b>3</b>    | Pada pendapat anda, adakah mandi bunga lebih kerap berlaku dalam konteks ritual tertentu di kawasan bandar mahupun pekan? |
| <b>4</b>    | Adakah mandi bunga ini dianggap salah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam?                            |
| <b>5</b>    | Adakah mandi bunga ini mempunyai peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat?                                  |
| <b>6</b>    | Pada pandangan anda, apakah pantang larang mandi bunga?   |

## **OBJEKTIF 2: FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PERBEZAAN KEPERCAYAAN MANDI BUNGA**

| <b>BIL.</b> | <b>SOALAN SOAL SELIDIK</b>  |
|-------------|---|
| <b>1</b>    | Pada pendapat anda, apakah latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga?                     |
| <b>2</b>    | Pada pandangan anda, adakah mandi bunga ini dilakukan hanya untuk pemujaan mistik atau makhluk halus? |
| <b>3</b>    | Pada pendapat anda, adakah faktor budaya dan tradisi tempatan mempengaruhi cara mandi bunga?          |

### **3.3.2 Data Sekunder**

Marican (2005), menyatakan bahawa data sekunder didefinisikan sebagai data yang boleh dirujuk setelah dikumpulkan oleh pengkaji yang lain bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dikaji. Segala maklumat yang dikumpulkan oleh pengkaji atau penyelidik yang lain dapat digunakan bagi mencipta atau memperbaharui informasi untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Selain itu, data sekunder ini juga boleh didapati daripada kajian lepas, perpustakaan, artikel, jurnal, sumber internet dan lain-lain sebagai maklumat tambahan. Berikut merupakan data sekunder yang dikemukakan oleh pengkaji.

#### **1) Kaedah Perpustakaan**

Kaedah perpustakaan ini merupakan satu kaedah yang sering diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat tambahan dalam menjalankan kajian. Bagi mendapatkan maklumat tambahan, pengkaji menggunakan bahan bacaan seperti artikel, keratan surat khabar dan buku sebagai bahan rujukan.

## 2) Sumber Internet

Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan kajian penyelidikan lepas bagi mendapatkan maklumat tambahan untuk menjalankan kajian seperti *Google Scholar*.

### 3.4 PERSAMPELAN DATA

Persampelan data merupakan pemilihan suatu kumpulan dari sama ada individu, institusi atau fenomena bagi pengkaji untuk menjalankan kajian. Selain itu, tujuan persampelan ini diadakan bagi mendapatkan populasi yang menyebabkan pembolehubah. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini merupakan persampelan bukan kebarangkalian (kualitatif). Kajian persampelan bukan kebarangkalian pengkaji menggunakan teknik *snowball* atau bebola salji melalui kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat daripada informan sehingga mencapai matlamat dalam kajian. Pengkaji juga mensasarkan informan yang berumur diantara 27 sehingga 70 tahun seramai 5 orang bagi mendapatkan maklumat melalui kaedah temu bual.

### 3.5 ANALISIS DATA

Taylor (1975) menyatakan bahawa analisis data merupakan proses yang menerangkan data secara formal bagi merumuskan hipotesis seperti ditetapkan oleh pengkaji dan juga digunakan sebagai satu usaha bagi membantu dan mendapatkan tema pada hipotesis. Analisis data melalui kaedah kualitatif (temu bual) adalah dengan cara merekod audio sepanjang kajian dijalankan. Selain itu, data yang diperoleh daripada temu bual tersebut akan dipindahkan kepada penulisan teks bagi mencapai objektif kajian serta tema yang diperlukan oleh pengkaji dengan menggunakan analisis tematik.

## BAB 4

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini membincangkan tentang maklumat dan data yang telah diperoleh oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam kajian yang dikaji. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, dapatan kajian membawa maksud kepada sesuatu yang didapati serta diperoleh daripada kajian penyelidikan atau penemuan. Melalui dapatan kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mencapai objektif kajian dan permasalahan kajian pengkaji dapat diselesaikan. Berikut merupakan objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji:

1. Mengenal pasti perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan.
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan mandi bunga.

Dengan menjayakan penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif ini kerana kaedah ini memudahkan pengkaji mengumpulkan maklumat dengan lebih terperinci dan tepat.

#### 4.1 LATAR BELAKANG INFORMAN KAJIAN

Bahagian ini mengandungi data-data yang berkaitan dengan latar belakang bagi setiap informan yang telah dikumpulkan melalui kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual. Pengkaji telah menemu bual lima informan, dua daripadanya berada di Petaling Jaya,

Selangor manakala tiga informan berada di Kuala Krai, Kelantan. Data-data tersebut adalah berkaitan dengan umur, pekerjaan dan kawasan kajian. Berikut merupakan demografi informan yang telah diperoleh pengkaji:


| INFORMAN   | UMUR     | PEKERJAAN                      | KAWASAN                        |
|------------|----------|--------------------------------|--------------------------------|
| Informan 1 | 70 Tahun | Pengamal Perubatan Tradisional | Kampung Manjor, Kuala Krai     |
| Informan 2 | 27 Tahun | Guru                           | Bandar Sunway, Petaling Jaya   |
| Informan 3 | 40 Tahun | Suri Rumah                     | Puchong Perdana, Petaling Jaya |
| Informan 4 | 51 Tahun | Suri Rumah                     | Kampung Manjor, Kuala Krai     |
| Informan 5 | 34 Tahun | Peniaga                        | Kampung Manjor, Kuala Krai     |

Jadual 7: Demografi Informan

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### **4.2 PERBEZAAN KEPERCAYAAN MANDI BUNGA DI KAWASAN BANDAR DAN PEKAN**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan pendapat daripada kelima-lima informan berkaitan dengan pengenalpastian perbezaan mandi bunga di kawasan yang dikaji. Carta Alir 2 dibawah menunjukkan mengenal pasti perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan.



Carta Alir 2: Mengenal Pasti Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga

#### 4.2.1 Fungsi atau Tujuan Mandi Bunga dan Perbezaan Tujuan

Mandi bunga berfungsi untuk mengawal dan menyembuhkan segala penyakit seperti demam, wanita selepas melahirkan anak, penyakit-penyakit mistik yang melibatkan semangat dan makhluk-makhluk halus (Nurdeng Deuraseh, 2010:90). Berikut merupakan petikan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap lima informan mengenai fungsi atau tujuan mandi bunga.

*“...lebih kepada nok lepaskan sial bagi mudoh buleh kijo, cari rezeki, dapat jodoh, untuk tubuh hok tok sihat dan tidak ado keno mengeno denge jin dan iblis lah kalu nenek gak.”*

(Informan 1, 2023)

*“...buat sebagai penaik seri, semangat seseorang, untuk mintak rezeki contoh untuk mintak keje, mewangikan badan seperti naikkan aura positif.”*

(Informan 2, 2023)

*“...boleh sihatkan tubuh kita, boleh bersihkan kita dari bende-bende sial yang buatkan kita susah dapat keje, untuk lelaki dengan perempuan yang nak kahwin dan bagi aura positif dengan wangikan badan...”*

(Informan 3, 2023)

*“Untuk wangikan tubuh, sihatkan badan pahtu buang bendo tok baik dale badan.”*

(Informan 4, 2023)

*“...guno untuk cari jodoh.”*  
(Informan 5, 2023)

Menurut pengamal perubatan tradisional (Informan 1), mandi bunga boleh membantu dalam menghilangkan nasib malang, memudahkan urusan pekerjaan serta mencari rezeki. Hal ini menunjukkan bahawa beliau percaya bahawa mandi bunga ini mempunyai kuasa untuk membersihkan diri daripada perkara negatif dan mampu mendatangkan perkara positif. Manakala, Informan 2 menyatakan bahawa mandi bunga berfungsi untuk menaikkan seri seseorang disamping memberikan aura positif dalam mencari pekerjaan. Informan 3 dan 4 menyatakan bahawa mandi bunga juga dapat menyihatkan tubuh badan, mampu membersihkan diri daripada perkara-perkara negatif disamping mengharumkan tubuh badan dan mewujudkan aura-aura positif sehingga mempengaruhi orang sekeliling. Akhir sekali, Informan 5 berpendapat bahawa mandi bunga ini dilakukan bagi mendapatkan jodoh kerana amalan tersebut dipercaya mampu mempengaruhi nasib seseorang dalam kehidupan berumah tangga.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa setiap pandangan daripada informan ini telah mencerminkan perbezaan kepada kepercayaan dalam konteks budaya dan tradisional tertentu mengenai fungsi atau tujuan mandi bunga, terdapat beberapa pandangan atau pendapat yang menekankan beberapa aspek dari segi kesihatan fizikal dan mental, memberikan ketenangan serta perlindungan daripada unsur mistik. Walaupun tiada bukti saintifik yang menyokong dakwaan mistik seperti membersihkan nasib malang atau menarik nasib baik secara langsung. Namun mandi bunga ini masih memainkan peranan penting kepada warisan budaya dan kepercayaan masyarakat.

Walau bagaimanapun, berikut merupakan petikan temu bual mengenai perbezaan fungsi mandi bunga di kawasan pekan dan bandar.

*“Berbezo sebab bandar dio lebih kepada spa buke mace pekan doh, sini dio mandi di ghumoh pengamal.”*  
(Informan 1, 2023)

*“Mungkin ada tapi ikut zaman lah kot.”*  
(Informan 2, 2023)

*“Saya tak pasti.”*  
(Informan 3, 2023)

*“...kure pasti pasal perbezaan ni, tapi bilo ikutkan perbezoan dio tu lebih kepada caro amalkan lah.”*  
(Informan 4, 2023)

*“...bezo dari segi fungsi dio tu.”*  
(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1, perbezaan ini berlaku disebabkan individu yang berada di bandar lebih cenderung memilih spa berbanding di pekan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perbezaan budaya atau kebolehcapaian kemudahan yang terdapat di spa menjadi salah satu faktor kepada perbezaan amalan mandi bunga. Manakala Informan 2, menyatakan bahawa perbezaan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh daripada perkembangan dari masa ke semasa. Ini kerana pemahaman terhadap amalan serta tujuan mandi bunga ini dijalankan berkemungkinan berubah mengikut perubahan budaya dan *trend* semasa. Selain itu, Informan 3 dan Informan 4 menyatakan bahawa mereka tidak pasti akan perbezaan tujuan mandi bunga ini di kedua-dua kawasan yang berbeza. Namun, Informan 4 menegaskan bahawa perbezaan ini berkemungkinan berkaitan dengan kaedah amalan berbanding dengan matlamat sebenar mandi bunga ini dijalankan. Akhir sekali, Informan 5 turut menyatakan perbezaan mandi bunga di kedua-dua kawasan ini berkemungkinan berlaku disebabkan oleh perbezaan fungsi. Ini

kerana pemahaman setiap individu berbeza-beza berdasarkan apa yang dicari serta tujuan mereka bagi mencapai sesuatu yang dihajati.

Keseluruhannya, sesetengah informan mengakui bahawa mereka mengalami ketidakpastian atau kurangnya pengetahuan mengenai perbezaan mandi bunga ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji dapat mengenal pasti perbezaan tujuan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor seperti budaya tempatan, kepercayaan dan keadaan sosioekonomi. Oleh itu, setiap pandangan yang diberikan oleh setiap informan merupakan pemahaman subjektif tersendiri.

#### 4.2.2 Jenis Bunga yang Digunakan

Kajian yang telah dijalankan oleh Wan Husni et al. (2019) menyatakan bahawa gabungan antara unsur alam, iaitu air dengan bunga yang mampu memberikan penjagaan kepada kesihatan rohani seperti menaikkan aura wajah seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana bunga yang digunakan mampu menghasilkan bau yang sangat wangi dan mempunyai pelbagai fungsi yang memberikan kelegaan serta ketenangan kepada pengguna. Selain itu, bunga-bunga yang digunakan juga memberikan wangian yang dan kesegaran yang mampu merangsang saraf seseorang. Berikut merupakan keratan petikan daripada temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji mengenai jenis bunga yang digunakan dalam amalan mandi bunga.

*“...boleh jah nok guno bungo lain, yang penting bungo tu mesti wangi dan comey.”*

(Informan 1, 2023)

*“Saya tak pasti.”*

(Informan 2, 2023)

*“...tak pasti berape jenis bunga tapi kalau buat ritual ni mesti dia guna bunga yang ade aura pastu bagi manfaat dekat orang tu. Contoh wangikan badan, naikkan aura dan sihatkan badan.”*  
(Informan 3, 2023)

*“Sayo dok tahu bakpo keno guno bungo tu pahtu berapo jenis.”*  
(Informan 4, 2023)

*“Sayo dok tahu berapo jenis tapi sayo raso mandi bungo ni ore guna bungo hok bau wangi sajo jah sebab nok wangikan badan badan ore tu.”*  
(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1, setiap bunga yang digunakan hendaklah cantik serta wangi. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau berpengalaman dalam menguruskan amalan ini ketika dahulu menyatakan bahawa keharuman serta keindahan bunga tersebut merupakan satu kriteria utama dalam amalan mandi bunga. Selain itu, Informan 3 menyatakan bahawa penggunaan bunga yang mempunyai aura serta khasiat yang tersendiri merupakan perkara penting agar dapat memberikan manfaat kepada individu seperti mengharumkan badan, meningkatkan aura dan menyihatkan badan. Walau bagaimanapun, Informan 2, Informan 4 dan Informan 5 menyatakan ketidakpastian terhadap penggunaan jenis bunga dalam mandi bunga. Namun, Informan 5 menegaskan bahawa elemen utama mandi bunga adalah keharuman yang dihasilkan oleh bunga itu sendiri. Hal ini kerana keharuman bunga tersebut mampu memberikan kesan positif dan bersesuaian dengan tujuan kerohanian serta kecantikan.

Kesimpulannya, melalui pemilihan penggunaan bunga, pengkaji dapat merumuskan bahawa informan menekankan beberapa perbezaan dari aspek seperti keharuman, keindahan serta aura yang dihasilkan oleh bunga tersebut. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh pengetahuan serta kepercayaan mereka sendiri.

#### 4.2.3 Mandi Bunga Lebih Kerap Berlaku dalam Konteks Ritual

Ritual merupakan peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat yang mengamalkan amalan tersebut selain merupakan penghubung kepada warisan budaya. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), ritual membawa maksud kepada tatacara dalam upacara dan adat. Berikut merupakan petikan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap lima informan mengenai kekerapan berlakunya mandi bunga.

*“...buat kat kapong/pekan sebab kat luar bandar ni lebih mudah nok dapatkan bungo atau cari bahan tu sene lah.”*

(Informan 1, 2023)

*“...kat pekan dia ada keistimewaan dari bandar lagipun pekan dapatkekalkan keaslian mandi bunga tu pastu bahan pun senang dapat.”*

(Informan 2, 2023)

*“...dua-dua kawasan buat, sebab kat pekan selalunya orang nak kahwin diorang akan buat ritual tu untuk naikkan seri pengantin, kalau kat bandar pulak dia lebih kepada ritual kebersihan dan kesihatan dekat spa.”*

(Informan 3, 2023)

*“...pekan lah sebab bahan-bahan ni sene dapat sano dari bandar.”*

(Informan 4, 2023)

*“...bandar sebab ore sano guno untuk kesihatan pahtu kecantikan kat spa tu.”*

(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1, Informan 2 dan Informan 4, mandi bunga lebih kerap berlaku di pekan kerana lebih mudah untuk mendapatkan bahan atau bunga. Hal ini kerana di kawasan pekan lebih banyak sumber asli berbanding dengan kawasan bandar. Selain itu, Informan 2 juga turut menyatakan bahawa melakukan amalan ini di kawasan pekan mempunyai keistimewaan yang tersendiri disamping dapat mengekalkan keaslian amalan itu sendiri. Menurut Informan 3, mandi bunga

mungkin berbeza mengikut konteks dan keperluan individu dimana di kawasan pekan, mandi bunga ini dijalankan sebagai ritual perkahwinan bagi menambah seri pengantin. Manakala, mandi bunga di kawasan bandar pula lebih berfokuskan kepada kebersihan dan kesihatan yang dilakukan di spa. Akhir sekali, menurut Informan 5, kekerapan mandi bunga berlaku disebabkan oleh keperluan sertakehendak penduduk di kawasan bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan mandi bunga sering dikaitkan dengan kebersihan serta kecantikan yang dilakukan di spa.

Secara keseluruhannya, perbezaan kekerapan mandi bunga ini berlaku disebabkan oleh lokasi geografi, budaya tempatan, kepercayaan dan sumber. Melalui kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa kekerapan amalan ini berlaku di kawasan pekan berbanding bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana kawasan pekan masih mempercayai amalan ini dan menerima amalan ini sebagai satu kepercayaan berbanding di kawasan bandar. Selain itu, lokasi geografi juga berbeza kerana di kawasan pekan lebih dekat dengan sumber alam berbanding kawasan bandar. Hal ini akan mengakibatkan amalan mandi bunga menjadi lebih praktikal dan perkara biasa dilakukan di kawasan pekan berbanding dengan kawasan bandar.

#### **4.2.4 Amalan yang Bertentangan dengan Ajaran Agama Islam**

Amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam dianggap sesat kerana melanggar prinsip asas yang telah ditetapkan oleh agama. Ajaran Islam mempunyai garis panduan yang jelas tentang kebaikan, akhlak, dan tatacara ibadah yang mesti dipatuhi oleh umatnya. Amalan sesat sering bertentangan atau bercanggah dari ajaran, sama ada dalam bentuk amalan agama yang salah, akidah

yang salah, atau tingkah laku yang tidak bermoral. Dalam konteks ini, umat Islam hendaklah memahami ajaran agamanya dengan betul dan mengamalkannya mengikut petunjuk al-Quran dan al-Hadis, serta menjauhi segala bentuk amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan ajaran Islam. ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Berikut merupakan keratan petikan daripada temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji mengenai amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

*“Tidak sama sekali.”*

(Informan 1, 2023)

*“...tak, selagi amalan tak gunakan unsur khurafat contoh guna ayat-ayat al-Quran yang diterbalikkan.”*

(Informan 2, 2023)

*“Mungkin canggah atau mungkin tak, saya pun tak tahu.”*

(Informan 3, 2023)

*“...dok canggoh dengan ajaran Islam kalau guno bendo molek jah.”*

(Informan 4, 2023)

*“...bagi sayo ado yang canggoh, ado yang dok canggoh.”*

(Informan 5, 2023)

## UNIVERSITI MAWARIS

Menurut Informan 1, mandi bunga tidak bertentangan dengan ajaran Islam kerana beliau menyatakan bahawa amalan ini dijalankan mengikut prinsip-prinsip agama yang telah ditetapkan. Manakala menurut Informan 2 dan Informan 4, amalan mandi bunga ini tidak akan bercanggah sekiranya tidak menggunakan bacaan ayat-ayat suci al-Quran yang telah diterbalikkan dan penglibatan unsur-unsur khurafat atau perkara yang tidak sepatutnya digunakan dalam amalan ini. Walau bagaimanapun, Informan 3 dan Informan 5 menyatakan ketidakpastian terhadap percanggahan amalan mandi bunga dengan ajaran agama Islam. Namun

Informan 5 juga menegaskan bahawa isu percanggahan atau bertentangan dengan ajaran agama Islam ini berkemungkinan bergantung kepada pandangan individu itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu mahupun masyarakat mempunyai perbezaan dari segi pandangan serta pemahaman mengenai amalan tersebut.

Secara keseluruhannya, kepelbagaiannya pandangan masyarakat mengenai amalan mandi bunga dianggap wajar atau bertentangan dengan ajaran Islam. Setiap pandangan yang diberikan berbeza kerana dipengaruhi oleh pemahaman individu tersebut dari segi agama, tradisi tempatan, dan kepercayaan peribadi.

#### **4.2.5 Peraturan-Peraturan Mandi Bunga yang Perlu Diikuti**

Peraturan membawa maksud kepada segala yang telah ditetapkan dan harus ditaati atau dipatuhi oleh seseorang (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat). Berikut merupakan petikan yang telah diambil dalam sesi temu bual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap lima informan.

*“Bacaan-bacaan dari ore jong mandi tu, ustazah ko (pengamal perubatan tradisional), pengamal hok keno mandikan kalu dio lelaki dio akan seroh lah ko bini dio untuk jiruh mandi pahtu air bungo ni tokleh wak balik kito keno mandi situ (tempat pengamal).”*

(Informan 1, 2023)

*“...peraturan mungkin dari segi penggunaan pakaian waktu mandi, selain itu dari jirusan air bunga...”*

(Informan 2, 2023)

*“Mungkin guna tumbuhan atau bahan lain yang sesuai dan bagi kelebihan...”*

(Informan 3, 2023)

*“...keno ikut nok guno bungo hok mano.”*

(Informan 4, 2023)

*“Sayo dok tahu yang mandi bungo ni ado peraturan gapo yang keno ikut.”*

(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1, antara peraturan amalan mandi bunga yang perlu diikuti adalah individu tersebut hendaklah melakukan amalan tersebut di rumah pengamal perubatan tradisional dan air mandian tersebut tidak dibenarkan dibawa pulang. Selain itu, menurut Informan 2 antara peraturan yang perlu diikuti adalah cara berpakaian sewaktu mandi bunga itu dijalankan. Manakala, menurut Informan 3 dan Informan 4 antara peraturan yang perlu dipatuhi adalah berkaitan dengan penggunaan serta pemilihan bunga yang bersesuaian dan mampu memberikan kelebihan kepada individu tersebut. Akhir sekali, Informan 5 menyatakan bahawa beliau tidak mengetahui peraturan-peraturan yang perlu diikuti dalam amalan mandi bunga.

Kesimpulannya, amalan mandi bunga melibatkan peraturan-peraturan tertentu dan setiap individu perlu mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan. Namun terdapat perbezaan diantara peraturan yang telah ditetapkan oleh pengamal perubatan tradisional atau mengikut norma dalam masyarakat atau budaya mereka.

#### **4.2.6 Pantang Larang Mandi Bunga**

Kepercayaan masyarakat Melayu adalah dengan mempercayai bahawa pelanggaran terhadap pantang larang akan menyebabkan berlakunya kecelakaan kepada seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana pantang larang ini dicipta bagi menegur dan menasihati seseorang daripada melanggar adat yang telah ditetapkan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007),

pantang membawa maksud kepada perbuatan dan lain-lain yang terlarang dilakukan menurut adat atau kepercayaan atau larangan. Berikut merupakan keratan daripada kaedah temu bual yang dijalankan mengenai pantang larang mandi bunga.

*“Takdok tu semua tahu jah belako.”*

(Informan 1, 2023)

*“...mungkin cara nak mandi macam posisi nak mandi tu kene betul...”*

(Informan 2, 2023)

*“...dari segi guna bahan tu, kene tengok sesuai ke tak dengan orang nak buat amalan mandi bunga ni. Contohnya, guna bahan yang rosakkan kulit ke apa dekat orang tu.”*

(Informan 3, 2023)

*“Maaf sayo dok tahu pasal ni.”*

(Informan 4, 2023)

*“Sayo tok pasti, tapi sayo raso maso lah. Dio keno ado maso hok molek kalau nok mandi bungo ni.”*

(Informan 5, 2023)


Menurut Informan 1, beliau tidak mempercayai serta menolak pantang larang yang diamalkan kerana beliau menganggap pantang larang itu sebagai satu perkara khurafat serta kolot. Hal ini kerana amalan mandi bunga tidak lagi dianggap sebagai perkara yang rasional atau sudah ketinggalan zaman bagi mengikuti segala pantang larang amalan tersebut. Manakala, Informan 2 menyatakan bahawa pantang larang ini berkemungkinan berkaitan dengan posisi atau kedudukan badan sewaktu mandi tersebut dijalankan. Sekiranya seseorang itu berada di posisi yang salah, amalan tersebut tidak akan diterima lalu tidak membawa hasil. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah berpendapat bahawa pantang larang ini harus diikuti agar amalan ini dapat membawa hasil. Selain itu, menurut Informan 3, pemilihan bahan yang digunakan merupakan

salah satu pantang larang yang harus diikuti. Hal ini kerana penggunaan bahan yang tidak bersesuaian akan mendatangkan kemudarat dan merosakkan kulit individu tersebut. Walau bagaimanapun, Informan 4 dan Informan 5 menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui atau kurang arif mengenai pantang larang amalan mandi bunga ini. Namun, Informan 5 menegaskan bahawa mandi bunga ini terdapatnya pantang larang yang berkaitan dengan masa tertentu yang perlu dipenuhi agar amalan tersebut berjalan dengan lancar.

Berdasarkan petikan temu bual diatas, pengkaji dapat merumuskan secara keseluruhan bahawa pantang larang dalam amalan mandi bunga mengalami perbezaan antara individu dan masyarakat kerana mereka mempunyai kepercayaan serta nilai budaya yang berlainan.

#### **4.3 FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PERBEZAAN KEPERCAYAAN MANDI BUNGA**

Menurut Daisy Paul et al. (2019), perbezaan mandi bunga terbahagi kepada dua iaitu perbezaan terhadap penggunaan bahan dan perbezaan tujuan mandi bunga dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana perbezaan penggunaan bahan bagi masyarakat Melayu adalah sesetengah daripada masyarakat Melayu menggunakan tujuh, sembilan dan sebelas jenis bunga beserta dengan limau purut. Manakala, masyarakat India menggunakan sebanyak tujuh jenis bunga yang dicampurkan dengan limau serta kunyit dan masyarakat Cina pula menggunakan tujuh jenis bunga dan memerlukan kehadiran *sifu* bagi menjalankan upacara ini. Carta Alir 3 dibawah menunjukkan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan mandi bunga.



Carta Alir 3: Mengenal Pasti Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga

#### 4.3.1 Latar Belakang atau Asal Usul Kepercayaan Mandi Bunga

Mandi bunga merupakan satu kepercayaan dan adat mistik yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu. Amalan atau adat ini juga telah diwarisi sejak zaman-berzaman yang tidak terhad dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga kini. Berikut merupakan keratan daripada kaedah temu bual yang dijalankan mengenai latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga.

*“...takdok dale kitab, dio lebih kepada adab dengan petua ore tua dulu tapi dok canggoh denge agamo, mandi bungo ni jugok dio guno 7 jenis bungo sebab so so bungo tu dio ado aroma sediri. Contoh, ado setegoh ore tu dok suko bungo cempako jadi dio buleh guno bungo tanjung, guno bungo meur sebab bungo ni wangi, bungo ros ni wangi jugok jadi wangian dio tu dapat meresap dijiwo ore kato, bungo rayo pun ore guno jugok sebab bungo rayo ni menjadi kebanggaan negara, bungo teratai ni kebanggaan musafir sebab comey dan bungo tike selado (bunga kesidang) sebab bungo ni terlajok wangi sapa sekapong buleh bau.”*

(Informan 1, 2023)

*“...mandi bunga ni, adat dan budaya orang dulu-dulu dan tidak menjadi satu benda yang salah di sisi agama. Jadi mandi bunga ini merupakan salah satu budaya atau inisiatif untuk orang zaman dulu guna cara ni untuk kebaikan diri, contoh menaikkan semangat dengan gunakan*

*sumber alam sebab orang zaman dulu guna sumber alam dengan ikut cita rasa masing masing.”*  
(Informan 2, 2023)

*“...mandi bunga ni dia lebih kepada upacara pemujaan dan pembersihan rohani seorang. Contoh bersihkan orang dari dosa dan jiwa.”*  
(Informan 3, 2023)

*“Mandi bungo ni diturunkan dari nenek moye kito dulu-dulu untuk buang bendo-bendo sial dekat kito pahtu mudahkan bendo baik jah ko kito.”*  
(Informan 4, 2023)

*“Mungkin mandi bunga ni hanya amale dari ore dulu-dulu jah tak dok dale kitab.”*  
(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1 dan Informan 5, amalan mandi bunga merupakan satu adat yang diwarisi secara turun temurun daripada generasi terdahulu. Walaupun tidak tercatat dalam kitab keagamaan, mandi bunga ini diturunkan secara lisan sebagai satu tradisi kepada generasi kini. Selain itu, Informan 2 menganggap bahawa mandi bunga merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan semangat dalam diri seseorang. Kepelbagaiannya penggunaan bunga yang bersesuaian mengikut keutamaan dan citarasa individu serta menghasilkan aroma mampu meningkatkan semangat. Menurut Informan 3, mandi bunga ini bukan sekadar tradisi yang diamalkan akan tetapi ia lebih kepada satu upacara atau ritual pemujaan bagi membersihkan rohani seseorang. Sebagai contoh, membersihkan diri mereka daripada segala dosa dan meningkatkan kebersihan jiwa. Walau bagaimanapun, Informan 4 menyatakan bahawa mandi bunga ini merupakan warisan turun temurun nenek moyang yang mampu menghilangkan nasib malang serta memudahkan segala urusan seseorang dan mendatangkan tuah kepada mereka.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa wujud perbezaan mengenai latar belakang mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian

mandi bunga merupakan warisan dari generasi ke generasi yang menggunakan sumber semula jadi dan merupakan salah satu amalan yang mempunyai nilai kerohanian. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan adalah pengaruh sejarah, tradisi budaya dan warisan. Disebabkan oleh faktor tersebut, terdapat sesetengah masyarakat memainkan peranan yang besar dalam membentuk amalan mandi bunga kerana ia melibatkan kepercayaan dan amalan rohani. Asal usul kepercayaan mandi bunga dikaitkan dengan konteks sejarah masyarakat tertentu. Hal ini kerana setiap masyarakat mempunyai pemahaman yang berbeza.

#### **4.3.2 Pemujaan Mistik atau Makhluk Halus**

Mandi bunga merupakan satu kepercayaan dan adat mistik yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu. Amalan atau adat ini juga telah diwarisi sejak zaman-berzaman yang tidak terhad dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga kini. Pemujaan mistik atau makhluk halus merupakan perkara khurafat. Khurafat membawa maksud kepada semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang yang diamalkan, adat istiadat, ramalan yang diamalkan dan upacara pemujaan atau kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Antara bentuk khurafat yang dikenalpasti adalah kepercayaan kepada sial majal (perbuatan syirik) seperti adat mandi safar, adat mandi membuang sial (mandi bunga) dan sebagainya. Berikut merupakan keratan daripada kaedah temu bual yang dijalankan mengenai pemujaan mistik atau makhluk halus dalam kepercayaan mandi bunga.

“...dulu-dulu ore buat pemujae untuk naikkan aroma atau aura jiwo seseore. Contohnyo, ado seore gadis atau perepue ni belum nikoh sebab takdok ore nok ko dio, jadi dio akan buat mandi bungo ni untuk menrik jiwo seseore lelaki untuk dapatkan jodoh dio denge bantuan aroma bungo-bungo. Pendek kato bantuan dari makhluk halus untuk tonjolkan aura perempue tu pikat jiwo lelaki. Tapi ado jugok lelaki buat mandi bungo sebab dok nikoh lagi.”

(Informan 1, 2023)

“...orang yang nak kahwin ni dia mandi bunga untuk pengantin lelaki dengan perempuan untuk naikkan aura atau seri wajah tapi untuk pemujaan saya tak pasti.”

(Informan 2, 2023)

“Bagi saya tak sebab mandi bunga kalau ikut tradisi lebih kepada pembersihan fizikal, jadi seseorang tu dia sihat dari segi mental dan fizikal. Orang tu pun akan jadi tenang jiwa apa semua.”

(Informan 3, 2023)

“Sayo raso dok gitu, sebab ore buat mandi bungo ni sebab nok nikoh, nok dapat kijo gitu. Dio lebih ko bendo hok baik-baik jah.”

(Informan 4, 2023)

“Sayo dok pasti.”

(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1, Informan 2 dan Informan 4, amalan mandi bunga ini dilakukan bagi meningkatkan aura jiwa seseorang bagi mendapatkan jodoh melalui bantuan makhluk halus dengan cara menarik perhatian lelaki. Melalui cara ini, individu tersebut dapat mencari pasangan hidup. Namun Informan 2 menegaskan bahawa mandi bunga dapat menaikkan seri wajah pengantin dan beliau menyatakan bahawa beliau tidak arif mengenai pemujaan mengenai amalan ini. Manakala Informan 4, menegaskan bahawa mandi bunga juga digunakan bagi mendapatkan pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana Informan 4 percaya bahawa melalui bantuan makhluk halus secara tidak langsung dapat membantu mereka dalam mencapai matlamat yang diingini. Selain itu, menurut Informan 3, mandi bunga dapat meningkatkan kesihatan secara keseluruhan dari segi mental dan fizikal kepada individu kerana mandi bunga ini lebih berkaitan dengan

pembersihan fizikal dan kesihatan mental seseorang. Akhir sekali, Informan 5 tidak mengetahui dengan lebih lanjut mengenai dakwaan yang berunsurkan mistik dalam amalan mandi bunga ini.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa pemujaan mistik atau makhluk halus merupakan faktor yang menyumbangkan perbezaan dalam amalan mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor ini berpunca daripada faktor budaya, kepercayaan masyarakat tempatan dan tradisi yang memainkan peranan penting kepada pemahaman dan penerimaan terhadap amalan mandi bunga.

#### **4.3.3 Faktor Budaya dan Tradisi Tempatan Mempengaruhi Cara Mandi Bunga**

Budaya atau *culture* dalam *The Oxford English Dictionary* yang membawa maksud kepada beberapa elemen seperti ritual atau kerohanian, jasmani dan intelek. Ritual atau kerohanian ini merujuk kepada pemujaan atau penyembahan oleh sesebuah masyarakat. Selain itu, elemen jasmani pula merujuk kepada proses pemeliharaan tanah. Manakala, elemen intelek merujuk kepada proses pendidikan dan latihan bagi meningkatkan minda serta akal individu (Khairiah binti Mohd Yassin, 2014). Walau bagaimanapun, tradisi merupakan sesuatu yang menjadi kebiasaan seperti adat, kepercayaan dan lain-lain yang telah diturunkan secara turun temurun serta menjadi satu amalan yang sebatи dengan masyarakat seperti mandi bunga (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat). Berikut merupakan petikan temu bual yang telah diambil bagi menjawab persoalan di atas.

*“Dulu lebih pada mujo, loni dio moden doh sebab dok ramai doh cayo bendo gini.”*  
(Informan 1, 2023)

*“...lebih kepada faktor zaman sebab kita tak perlu pegi ke kampung atau pekan untuk mandi bunga sebab zaman sekarang pun boleh buat sendiri dengan cara beli saja set mandian bunga di ‘online’.”*  
(Informan 2, 2023)

*“Saya tak pasti pasal ni.”*  
(Informan 3, 2023)

*“Ya ado bezo dari segi bendo hok digunakan tu, maso denge tempat hok dipilih bagi jalankan mandi bungo ni.”*  
(Informan 4, 2023)

*“Sayo dok pasti.”*  
(Informan 5, 2023)

Menurut Informan 1, beliau menyatakan bahawa amalan ini digunakan sebagai satu pemujaan atau *mujo* (melakukan amalan ini bertujuan mistik atau rohani) ketika dahulu, namun amalan ini telah mengalami perubahan disebabkan oleh arus kemodenan. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan tabiat serta persepsi masyarakat terhadap amalan mandi bunga dari semasa ke semasa disebabkan oleh kepercayaan mereka yang semakin berkurangan mengenai amalan tersebut. Selain itu, menurut Informan 2, perubahan zaman memainkan peranan penting dalam mempengaruhi amalan mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian kerana zaman yang pesat dengan perkembangan teknologi memudahkan individu untuk mendapatkan set mandian bunga atas talian. Hal ini kerana pengasas-pengasas kecantikan menghasilkan set produk mandian bunga atas talian bagi memudahkan pembeli atau individu untuk melakukan mandian tersebut tanpa perlu berkunjung ke pekan dan dalam masa yang sama perkara ini akan menjimatkan masa seseorang. Walau bagaimanapun, Informan 3 dan Informan 5 tidak mengetahui dengan lebih lanjut mengenai faktor budaya dan

tradisi mandi bunga ini. Namun menurut Informan 4, pemilihan bahan dan lokasi dalam melaksanakan mandi bunga merupakan salah satu faktor budaya yang perlu dipraktikkan oleh individu serta merupakan peranan yang penting dalam pelaksanaan amalan tersebut.

Kesimpulannya, perubahan budaya, teknologi dan pemahaman masyarakat merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan kepercayaan amalan tradisional ini. Hal ini kerana disebabkan oleh faktor-faktor tersebut, terdapat sesetengah individu masih menggunakan pendekatan yang lebih kearah kemodenan manakala terdapat sesetengah individu pula masih mengekalkan tradisi dan nilai budaya dalam amalan ini.

#### **4.4 PERBINCANGAN KAJIAN**

Bahagian ini akan merumuskan hasil dapatan kajian mengenai “Kepercayaan Ritual Mandi Bunga di Malaysia: Perbandingan antara Masyarakat di Kuala Krai dan Petaling Jaya”. Perbincangan mengenai hasil kajian dilakukan berdasarkan analisis dapatan kajian pada kedua-dua objektif kajian.

##### **4.4.1 Mengenal Pasti Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga di Kawasan Bandar dan Pekan**

Objektif ini membincangkan perbezaan kepercayaan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan. Maklumat ini diperoleh daripada hasil temu bual daripada lima informan. Melalui maklumat ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa amalan mandi bunga mencerminkan kepelbagai pandangan masyarakat yang mungkin serasi atau bertentangan dengan ajaran Islam. Pandangan ini dipengaruhi oleh pemahaman individu tentang agama, tradisi tempatan, dan kepercayaan peribadi mereka.

Selain itu, informan mengakui ketidakpastian atau kekurangan pengetahuan mengenai perbezaan dalam fungsi mandi bunga. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti budaya, kepercayaan, dan keadaan sosioekonomi tempatan. Setiap pandangan yang diberikan oleh informan adalah pemahaman subjektifnya yang tersendiri.

Melalui pemilihan bunga juga, pengkaji mendapati bahawa informan menekankan perbezaan dari aspek seperti keharuman, kecantikan, dan aura yang dihasilkan. Perbezaan ini berpunca daripada pengetahuan dan kepercayaan individu.


Kekerapan amalan mandi bunga juga berbeza-beza bergantung kepada lokasi geografi, budaya, kepercayaan dan sumber tempatan. Kajian ini menunjukkan bahawa kekerapan amalan ini lebih tinggi di pekan berbanding di bandar kerana penerimaan dan kepercayaan yang lebih tinggi di kawasan tersebut.

Akhir sekali, berdasarkan temu bual, pengkaji mendapati bahawa pantang larang dalam amalan mandi bunga turut mengalami perbezaan antara masyarakat kerana perbezaan kepercayaan dan nilai budaya. Oleh itu, adalah penting untuk menghormati dan memahami kepelbagaiannya pandangan mengenai amalan ini.

#### **4.4.2 Mengenal Pasti Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Perbezaan Kepercayaan Mandi Bunga**

Amalan mandi bunga melibatkan kepercayaan dan kerohanian masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual terhadap lima informan yang berada di Kuala Krai dan Petaling Jaya. Melalui kaedah ini didapati perbezaan kepercayaan terhadap amalan ini disebabkan oleh faktor sejarah, tradisi budaya, dan warisan. Setiap masyarakat mempunyai pemahaman dan sejarah yang berbeza mengenainya, mengakibatkan pandangan yang berbeza. Faktor budaya, kepercayaan masyarakat setempat, dan tradisi memainkan peranan penting dalam penerimaan amalan mandi

bunga. Perubahan dalam budaya, teknologi dan pemahaman masyarakat juga mempengaruhi perbezaan kepercayaan tentang amalan ini. Sesetengah individu mengambil pendekatan yang lebih moden, manakala yang lain masih mengekalkan tradisi dan nilai budaya dalam amalan ini.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Bahagian ini adalah membincangkan secara menyeluruh dan meringkaskan kajian yang telah dilakukan serta pengkaji akan membuat rumusan mengenai dapatan setiap objektif kajian. Perbincangan ini akan menjadi satu penanda aras terhadap keberkesanan dapatan analisis yang diperoleh dalam proses penyelesaikan projek penyelidikan. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mencadangkan beberapa cadangan yang relevan. Hal ini akan memudahkan pengkaji serta penyelidik untuk melakukan kajian mengenai amalan mandi bunga pada masa hadapan. Sememangnya penghasilan projek penyelidikan ini dapat membantu para pengkaji serta penyelidik bagi mendapatkan maklumat yang diingini kelak.

#### **5.1 CADANGAN**

##### **5.1.1 Mewujudkan Pendokumentarian Mengenai Mandi Bunga**

Menerusi kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, amalan mandi bunga kian dilupakan oleh generasi kini. Hal ini dikatakan demikian kerana perubahan zaman telah mempengaruhi kepercayaan sesetengah masyarakat untuk meneruskan amalan ini. Oleh itu, menerusi penghasilan pendokumentarian, masyarakat dapat meneroka amalan mandi bunga dalam pelbagai budaya atau konteks tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan mandi bunga ini boleh didapati dalam pelbagai masyarakat di seluruh dunia yang mempunyai nilai simbolik dan rohani yang berbeza. Dengan penghasilan dokumentari ini secara

tidak langsung dapat menarik minat masyarakat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai amalan mandi bunga ini.

### **5.1.2 Mendokumentasikan Amalan Mandi Bunga**

Selain daripada melakukan pendokumentarian, amalan mandi bunga juga hendaklah didokumenkan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengamalan amalan mandi bunga kian berubah dari masa ke semasa disebabkan oleh perkembangan serta perubahan budaya dan kepercayaan. Oleh itu melalui pendokumentasian, secara tidak langsung dapat membantu para penyelidikan atau pengkaji mengetahui dengan lebih lanjut mengenai mandi bunga. Antaranya penggunaan bahan, pantang larang yang ditetapkan, pendapat daripada pakar-pakar perubatan tradisional melalui kaedah temu bual dan sebagainya. Selain itu, dalam pendokumentasian ini juga, kajian etnografi sesuai dijalankan agar dapat mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji pada masa akan datang perlu melibatkan dirinya dalam komuniti atau masyarakat yang masih mengamalkan amalan ini agar dapat merekod setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh masyarakat tempatan. Melalui proses ini juga, setiap petua, cara penggunaan dan pemilihan bunga dan nilai-nilai kepercayaan daripada masyarakat yang diturunkan kepada generasi-generasi dapat diabadikan dalam pendokumentasian disamping mengekalkan kelestarian dan kesinambungan ilmu dan tradisi yang terkandung di dalamnya dalam jangka masa yang panjang.

### **5.1.3 Memartabatkan Ilmu Perubatan Tradisional**

Umum mengetahui bahawa amalan mandi bunga ini merupakan perubatan tradisional Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan mandi bunga ini

menggunakan sumber-sumber alam seperti tumbuh-tumbuhan. Selain itu, mandi bunga juga dijadikan sebagai satu ikhtiar kepada kesihatan tubuh badan disamping memberikan kesegaran serta memulihkan semangat dan menaikkan aura semata-mata. Jelas sekali bahawa amalan ini memberikan kebaikan kepada masyarakat sekiranya amalan ini tidak bertentangan dengan ajaran agama. Oleh itu, kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam memelihara amalan ini dari diambah kepupusan. Melalui peranan kerajaan secara menyeluruh, kerajaan hendaklah mewujudkan satu organisasi atau penubuhan yang berkaitan dengan perubatan tradisional. Secara tidak langsung, penubuhan ini dapat mengekalkan ilmu perubatan tradisional seperti amalan mandi bunga ini dan amalan ini dapat dimartabatkan sebagai bidang perubatan secara rasmi.

#### **5.1.4 Menganjurkan Kempen Cintai Warisan**

Selain dikenali sebagai perubatan tradisional, amalan mandi bunga juga dikenali sebagai warisan tidak ketara. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan mandi bunga merupakan adat dan kepercayaan masyarakat terdahulu yang diturunkan dari generasi ke generasi lain. Namun, perubahan zaman telah menyebabkan amalan mandi bunga kian dilupakan. Oleh itu, pihak bukan kerajaan atau NGO perlu merealisasikan usaha atau peranan bagi memupuk kembali kesedaran masyarakat mengenai kepentingan serta kebaikan amalan ini kepada warisan. Antaranya dengan menganjurkan kempen ‘Cintai Warisan’. Penganjuran kempen ini merupakan satu usaha bagi menggalakkan kesedaran terhadap warisan yang memainkan peranan penting bagi suatu masyarakat atau komuniti. Melalui kempen ini juga, pihak NGO dapat menyebarkan ilmu warisan ini menerusi ceramah umum atau program pendidikan bagi menerangkan sejarah,

kebaikan serta kepentingan dan keunikan warisan ini. Secara tidak langsung ia dapat memupuk semangat cinta akan warisan tak ketara seperti amalan mandi bunga ini agar tidak ditelan zaman.

## 5.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, umum mengetahui bahawa amalan atau ritual mandi bunga ini merupakan salah satu tradisi turun temurun serta berbentuk pemujaan masyarakat suatu ketika dahulu. Namun demikian, pada zaman kini, amalan mandi bunga ini masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat berdasarkan tujuan serta kepercayaan mereka masing-masing. Oleh itu, pengkaji berharap melalui penulisan ini dapat membuka mata semua pihak mengenai kepelbagaiannya kepercayaan amalan ini masih wujud dan masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat dan ia merupakan salah satu warisan mereka. Selain itu, pengkaji juga berharap agar penulisan yang dihasilkan ini dapat meningkatkan pengetahuan serta mampu dijadikan sebagai satu rujukan buat pengkaji-pengkaji yang lain pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Asnida Raini (2017, Januari 30), *Mandi Bunga Tujuh Rupa dan Tradisi Lain Sambut Tahun Baru Imlek*, 2017, from <https://www.fimela.com/lifestyle/read/2840947/mandi-bunga-tujuh-rupa-dan-tradisi-lain-sambut-tahun-baru-imlek>
- Bukhari Malek (2017, Oktober 3), *Kepercayaan Karut Terhadap Amalan ‘Mandi Bunga’ Dalam Masyarakat Melayu*, 2017, from <https://www.thevocket.com/kepercayaan-karut-terhadap-amalan-mandi-bunga-dalam-masyarakat-melayu/>
- Daisy Paul, Nor Sahayu Hamzah & Tuan Nur Aisyah Tuan Abdul Hamid (2019), *Interpretasi Ritual Mandi Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia*, 2019, from <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/142>
- Gramedia Blog (2021), *Cakra adalah: Definisi, Jenis, Fungsi, Struktur, dan 7 Cakra Utama dalam Tubuh Manusia*, 2021, from <https://www.gramedia.com/literasi/cakra-adalah/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020 Daerah Pentadbiran*, 2020 from <https://www.dosm.gov.my/uploads/publications/20221013111012.pdf>
- Jakim (2013, September, 5), *Garis Panduan Khurafat Dan Azimat*, 2013, from <http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/16007>
- Mohd Qayyuum Kamarudin, Mohd Nasir Ripin, Zulkiflee Haron, & Norhissam Mustafa. (2020). Tasawur Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Perubatan Melayu (Tasawur of Malay medicine in Malay traditional medicine book). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2).
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairiah binti Mohd.Yassin (2014). *Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam. Jurnal MANU*, 20, 41.
- Malaysia Madani (2023), *Demografi Penduduk - Portal Maklumat Rakyat (PMR)*, 2023, from [https://pmr.penerangan.gov.my/?page\\_id=1111](https://pmr.penerangan.gov.my/?page_id=1111)
- Mohd Zawawi Mohamad Awang & Nur Azuki Yusuff (2019), *Dinamisme Perubatan Tradisional dan Perubatan Islam dalam Alam Melayu*, 2019, Penerbit UMK.

Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan bin Hanapi (2020). *Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu*. International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 3 (12), 01-12.

Nur Farra Nisha Mohd Fauzi, Nur Nabila Nadhirah Sukri, Ahmad Irdha Mokhtar & Khazri Osman (2023, Julai), *Kefahaman Mahasiswa Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah Tentang Amalan Yang Bertentangan Dengan Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah*, 2023, from [https://www.researchgate.net/publication/372498716\\_Kefahaman\\_Mahasiswa\\_Pengajian\\_Al-Quran\\_Dan\\_Al-Sunnah\\_Tentang\\_Amalan\\_Yang\\_Bertentangan\\_Dengan\\_Ajaran\\_Ahli\\_Sunnah\\_Wal\\_Jamaah](https://www.researchgate.net/publication/372498716_Kefahaman_Mahasiswa_Pengajian_Al-Quran_Dan_Al-Sunnah_Tentang_Amalan_Yang_Bertentangan_Dengan_Ajaran_Ahli_Sunnah_Wal_Jamaah)

Nurdeng Deuraseh. (2010). *Transformasi Adat Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah*. Jurnal Peradaban, [S. l.], 3, 83–98.

Portal Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (2018, Februari 23), *Sejarah Ringkas Petaling*  
<https://www.selangor.gov.my/petaling.php/pages/view/27?mid=114>

Pusat Pelatihan Reiki dan Metafizik Malaysia (2023), *Apakah Itu Chakra?*, 2023, from <https://reiki-malaysia.com/apakah-itu-chakra/>

Quran.com (2023), *Surah al-Baqarah*, 2023, from <https://quran.com/ms/al-baqarah/45-46>

S. Roslan & Rafeah Legino (2016), *Properties of Mandi Bunga (Flowering Bath) as Malaysian Tradition Practice*, 2016, from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/19993>

Syamsul Azizul Marinsah, Asmiaty Amat & Aisyah Tamby Omar (2020, Jun), *Ritual Perubatan Tradisional Etnik Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam*, 2020, from [https://www.researchgate.net/publication/345318803\\_RITUAL\\_PERUBATAN\\_TRADISIONAL\\_ETNIK\\_BAJAU\\_DI\\_SABAH\\_ANALISIS\\_DARI\\_PERSPEKTIF\\_HUKUM\\_ISLAM](https://www.researchgate.net/publication/345318803_RITUAL_PERUBATAN_TRADISIONAL_ETNIK_BAJAU_DI_SABAH_ANALISIS_DARI_PERSPEKTIF_HUKUM_ISLAM) Bajau Traditional Healing Ritual in Sabah An Analysis from the Islamic Perspectives SYAMSUL AZIZUL MARINSAH ASMIA

Times Indonesia (2017, Mei 11), *Mandi Buddha Rupang, Ritual Penyucian Diri*, 2017, from <https://timesindonesia.co.id/peristiwa-daerah/147993/mandi-buddha-rupang-ritual-penyucian-diri>

Wan Hasmah Wan Teh (2023, Julai), *Mandi Bunga: Suatu Penelitian Awal Tentang Amalan dan Fungsinya dalam Masyarakat Melayu*, 2023, from [https://www.researchgate.net/publication/372377939\\_Mandi\\_Bunga\\_Suatu\\_Penelitian\\_Awal\\_tentang\\_Amalan\\_dan\\_Fungsinya\\_dalam\\_Masyarakat\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/372377939_Mandi_Bunga_Suatu_Penelitian_Awal_tentang_Amalan_dan_Fungsinya_dalam_Masyarakat_Melayu)

Wan Husni Wan Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron & Arieff Salleh Rosman. (2019). *Terapi Mandi Bunga Dalam Perubatan Melayu Untuk Penjagaan Kesihatan Mental*. UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 6(2-2), 123–135. [www.http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran](http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran). Dicapai pada 15 Mei 2022.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## LAMPIRAN

### TRANSKRIPSI INFORMAN I

|                      |  |
|----------------------|--|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, apakah latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <p><i>Mandi bungo ni dio takdok dale kitab, dio lebih kepada adab dengan petua ore tua dulu tapi dok canggoh denge agamo, mandi bungo ni jugok dio guno 7 jenis bungo sebab so so bungo tu dio ado aroma sediri. Contoh, ado setegoh ore tu dok suko bungo cempako jadi dio buleh guno bungo tanjung, guno bungo meur sebab bungo ni wangi, bungo ros ni wangi jugok jadi wangian dio tu dapat meresap dijiwo ore kato, bungo rayo pun ore guno jugok sebab bungo rayo ni menjadi kebanggaan negara, bungo teratai ni kebanggaan musafir sebab comey dan bungo tike selado (bunga kesidang) sebab bungo ni terlajok wangi sapa sekapong buleh bau.</i></p> <p>(Mandi bunga ini tidak ada dalam kitab, ia lebih kepada petua orang tua dahulu tapi tidak bercanggah dengan agama, mandi bunga ini juga menggunakan 7 jenis bunga sebab setiap bunga itu mempunyai aroma tersendiri. Contoh, ada sesetengah orang itu tidak suka bunga cempaka jadi orang tersebut boleh menggunakan bunga tanjung, menggunakan bunga melor kerana bunga ini wangi, bunga ros ini wangi juga jadi wangianya akan meresap kedalam jiwa bak kata orang, bunga raya pun ada orang yang menggunakannya kerana bunga raya ini menjadi kebanggaan negara, bunga teratai ini merupakan kebanggaan musafir kerana cantik dan bunga kesidang (<i>bungo tike selado</i>) digunakan kerana baunya yang harum semerbak sehingga satu kampung mendapat baunya.)</p> |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, adakah mandi bunga ini dilakukan hanya untuk pemujaan mistik atau makhluk halus?</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <p><i>Mandi bungo ni jugok dulu-dulu ore buat pemuojae untuk naikkan aroma atau aura jiwo seseore. Contohnyo, ado seore gadis atau perepue ni belum nikoh sebab takdok ore nok ko dio, jadi dio akan buat mandi bungo ni untuk menrik jiwo seseore lelaki untuk dapatkan jodoh dio denge bantuan aroma bungo-bungo. Pendek kato bantuan dari makhluk halus untuk tonjolkan aura perempue tu pikat jiwo lelaki. Tapi ado jugok lelaki buat mandi bungo sebab dok nikoh lagi.</i></p> <p>(Mandi bunga ini juga dilakukan oleh masyarakat terdahulu sebagai pemujaan bagi menaikkan aroma atau aura jiwa seseorang. Contohnya, terdapat seorang gadis atau perempuan yang belum berkahwin kerana tidak diminati seseorang, oleh itu gadis tersebut akan menjalankan upacara mandi bunga bagi menarik jiwa seorang lelaki untuk mendapatkan jodoh dengan bantuan daripada aroma bunga-bunga tersebut. Pendek kata, bantuan daripada makhluk halus bagi menonjolkan aura seorang perempuan bagi memikat jiwa seorang lelaki. Akan tetapi terdapat juga lelaki mengadakan upacara mandi bunga ini kerana belum berkahwin.)</p>   |

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah mandi bunga lebih kerap berlaku dalam konteks ritual tertentu di kawasan bandar maupun pekan?</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Ramai ore buat kat kapong/pekan sebab kat luar bandar ni lebih mudoh nok dapatkan bungo atau cari bahan tu lebih sene lah.</i><br>(Ramai orang melakukannya di kampung kerana di kawasan luar bandar ini lebih mudah untuk mendapatkan bunga atau mencari bahan itu lebih memudahkan.)   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini mempunyai peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat?</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Bacaan-bacaan dari ore jong mandi tu, ustazah ko (pengamal perubatan tradisional), pengamal hok keno mandikan kalu dio lelaki dio akan seroh lah ko bini dio untuk jiruh mandi pahtu air bungo ni tokleh wak balik kito keno mandi situ (tempat pengamal).</i><br>(Bacaan-bacaan daripada pengamal mandi bunga, ustazah ke (pengamal perubatan tradisional) pengamal hendaklah memandikan “pesakit atau penerima” jika pengamal tersebut seorang lelaki, lelaki tersebut akan menyerahkan “tugas” tersebut kepada isterinya bagi menjiruskan air mandi tersebut dan air bunga tersebut tidak boleh dibawa pulang sebaliknya pesakit perlu melakukan upacara tersebut disitu juga.) |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini dianggap salah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam?</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Tidak sama sekali.</i><br>(Tidak sama sekali.)   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Apakah fungsi atau tujuan mandi bunga? (pandangan sendiri)</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Tujue mandi bungo ni dibuat lebih kepada nok lepaskan sial bagi mudoh buleh kijo, cari rezeki, dapat jodoh, untuk tubuh hok tok sihat dan tidak ado keno mengeno denge jin dan iblis lah kalu nenek gak.</i><br>(Tujuan mandi bunga ini dijalankan lebih kepada melepaskan sial bagi memudahkan urusan kerja, mencari rezeki, mendapat jodoh, menyihatkan tubuh badan dan mandi bunga ini tidak ada kena mengena dengan jin dan iblis bagi nenek.)   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah terdapat perbezaan tujuan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan?</b>  |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Berbezo sebab bandar dio lebih kepada spa buke mace pekan doh, sini dio mandi di ghumoh pengamal.</i><br>(Berbeza kerana bandar lebih kepada perkhidmatan spa, bukan seperti di kampung atau pekan dimana mandi bunga ini dijalankan di rumah pengamal itu sendiri.)   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Berapakah jenis bunga dan bunga apakah yang digunakan dalam amalan ini? Mengapa?</b>   |

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Pado neneh lah, mandi bungo ni boleh jah nok guno bungo lain, yang penting bungo tu mesti wangi dan comey.</i><br>(Pada pendapat nenek, mandi bunga ini boleh sahaja menggunakan bunga-bunga lain, yang paling penting bunga tersebut hendaklah harum dan cantik.) |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, apakah pantang larang mandi bunga?</b>  |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Takdok tu semua tahuyl, kolot jah belako.</i><br>(Tidak itu semua tahuyl dan kolot semua.)   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah faktor budaya dan tradisi tempatan mempengaruhi cara mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN I:</b>   | <i>Dulu lebih pada mujo, loni dio meden doh sebab dok ramai doh cayo bendo gini.</i><br>(Dahulu lebih kepada pemujaan, sekarang mandi bunga ini dijalankan secara moden kerana ramai tidak mempercayai perkara itu lagi.)   |

#### TRANSKRIPSI INFORMAN II

|                      |  |
|----------------------|--|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, apakah latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Bagi saya mandi bunga ni, adat dan budaya orang dulu-dulu dan tidak menjadi satu benda yang salah di sisi agama. Jadi mandi bunga ini merupakan salah satu budaya atau inisiatif untuk orang zaman dulu guna cara ni untuk kebaikan diri, contoh menaikkan semangat dengan gunakan sumber alam sebab orang zaman dulu guna sumber alam dengan ikut cita rasa masing masing.</i><br>(Bagi saya mandi bunga ini, merupakan adat dan budaya masyarakat dahulu dan tidak menjadi sesuatu yang salah di sisi agama. jadi, mandi bunga ini merupakan salah satu budaya atau inisiatif masyarakat dahulu menggunakan cara ini untuk kebaikan diri, sebagai contoh menaikkan semangat dengan menggunakan sumber alam sebab masyarakat dahulu menggunakan sumber alam dengan mengikut cita rasa tersendiri). |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, adakah mandi bunga ini dilakukan hanya untuk pemujaan mistik atau makhluk halus?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Takat yang saya tahu orang yang nak kahwin ni dia mandi bunga untuk pengantin lelaki dengan perempuan untuk naikkan aura atau seri wajah tapi untuk pemujaan saya tak pasti.</i><br>(Berdasarkan pengetahuan saya, orang yang hendak berkahwin akan menjalankan mandi bunga bagi pengantin lelaki dengan perempuan untuk menaikkan aura atau seri wajah tetapi untuk pemujaan itu saya tidak pasti).  |

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah mandi bunga lebih kerap berlaku dalam konteks ritual tertentu di kawasan bandar maupun pekan?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Bagi saya pekan, sebab kat pekan dia ada keistimewaan dari bandar lagipun pekan dapatkekalkan keaslian mandi bunga tu pastu bahan pun senang dapat.</i><br>(Pada saya kawasan pekan, ini disebabkan oleh pekan mempunyai keistimewaan daripada kawasan bandar, sekaligus pekan juga dapat mengekalkan keaslian mandi bunga tu dan bahan juga mudah didapati).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini mempunyai peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Saya rasa kalau dari peraturan mungkin dari segi penggunaan pakaian waktu mandi, selain itu dari segi jirusan air bunga dari pada kepala ke kaki atau kaki ke kepala.</i><br>(Saya rasa peraturan itu wujud dari segi penggunaan pakaian pada waktu mandi, selain itu cara atau teknik jirusan air mandian bunga daripada kepala ke kaki atau kaki ke kepala).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini dianggap salah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Saya rasa tak, selagi amalan tak gunakan unsur khurafat contoh guna ayat-ayat al-Quran yang diterbalikkan.</i><br>(Saya rasa tidak selagi amalan tersebut tidak menggunakan unsur khurafat, sebagai contoh menggunakan ayat-ayat al-Quran yang telah diterbalikkan).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Apakah fungsi atau tujuan mandi bunga? (pandangan sendiri)</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Pada saya mandi bunga ni orang buat sebagai penaik seri, semangat seseorang, untuk mintak rezeki contoh untuk mintak keje, mewangikan badan seperti naikkan aura positif.</i><br>(Pada pendapat saya, mandi bunga ini, orang gunakan sebagai penaik seri, menaikkan semangat seseorang, untuk memohon atau mencari rezeki seperti meminta pekerjaan, mewangikan badan dengan cara menaikkan aura positif). |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah terdapat perbezaan tujuan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan?</b>  |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Mungkin ada tapi ikut zaman lah kot. (ketawa kecil)</i><br>(Berkemungkinan ada tetapi mengikut peredaran zaman).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Berapakah jenis bunga dan bunga apakah yang digunakan dalam amalan ini? Mengapa?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Saya tak pasti.</i><br>(Saya tidak pasti).   |

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, apakah pantang larang mandi bunga?</b>  |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Secara jujurnya saya tak tahu, tapi mungkin cara nak mandi tu. macam posisi nak mandi tu kene betul kalau tak mandi tak jadi.</i><br>(Sejurnya, saya tidak tahu, tetapi mungkin cara mandi bunga seperti posisi mandi hendaklah betul jika tidak amalan tersebut tidak menjadi).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah faktor budaya dan tradisi tempatan mempengaruhi cara mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN II:</b>  | <i>Bagi saya lebih kepada faktor zaman sebab kita tak perlu pegi ke kampung atau pekan untuk mandi bunga. sebab zaman sekarang pun boleh buat sendiri dengan cara beli saja set mandian bunga di ‘online’.</i><br>(Pada saya lebih kepada faktor peredaran zaman kerana kita tidak perlu berkunjung ke kampung mahupun pekan untuk menjalankan amalan mandi bunga. Hal ini dikatakan demikian kerana, zaman sekarang kita boleh melakukan amalan tersebut sendiri dengan cara membeli set mandian bunga di atas talian sahaja). |

### TRANSKRIPSI INFORMAN III

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, apakah latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Saya rasa mandi bunga ni dia lebih kepada upacara pemujaan dan pembersihan rohani seseorang. Contoh bersihkan orang dari dosa dan jiwa.</i><br>(Pada saya mandi bunga ini lebih kepada upacara pemujaan dan pembersihan rohani seseorang. Sebagai contoh, membersihkan seseorang itu daripada dosa dan jiwa).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, adakah mandi bunga ini dilakukan hanya untuk pemujaan mistik atau makhluk halus?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Bagi saya tak sebab mandi bunga kalau ikut tradisi lebih kepada pembersihan fizikal, jadi seseorang tu dia sihat dari segi mental dan fizikal. Orang tu pun akan jadi tenang jiwa apa semua.</i><br>(Pada saya tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana mandi bunga jika mengikut tradisi ia lebih kepada pembersihan fizikal, jadi seseorang itu akan sihat dari segi mental dan juga fizikal. Seseorang itu akan berasa tenang jiwanya). |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah mandi bunga lebih kerap berlaku dalam konteks ritual tertentu di kawasan bandar mahupun pekan?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Bagi saya dua-dua kawasan buat, sebab kat pekan selalunya orang nak kahwin diorang akan buat ritual tu untuk naikkan seri pengantin, kalau kat bandar pulak dia lebih kepada ritual kebersihan dan kesihatan dekat spa.</i>  |

|                      |  |
|----------------------|--|
|                      | (Pada saya kedua-dua kawasan mengadakan amalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana di kawasan pekan, selalunya seseorang yang ingin berkahwin mereka akan mengadakan ritual ini bagi menaikkan seri pengantin, manakala di kawasan bandar pula, mandi bunga ini lebih kepada ritual kebersihan dan kesihatan spa).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini mempunyai peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Mungkin guna tumbuhan atau bahan lain yang sesuai dan bagi kelebihan dekat kesihatan orang.</i><br>(Mungkin menggunakan tumbuhan atau bahan lain yang bersesuaian dan memberikan kelebihan pada kesihatan seseorang).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini dianggap salah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Mungkin canggah atau mungkin tak, saya pun tak pasti.</i><br>(Mungkin bertentangan atau mungkin tidak bertentangan, saya tidak pasti).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Apakah fungsi atau tujuan mandi bunga? (pandangan sendiri)</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Ramai cakap mandi bunga ni boleh sihatkan tubuh kita, boleh bersihkan kita dari bende-bende sial yang buatkan kita susah dapat keje, untuk lelaki dengan perempuan yang nak kahwin dan bagi aura positif dengan wangikan badan kita.</i><br>(Kebanyakkan orang menyatakan mandi bunga ini dapat menyihatkan tubuh badan, boleh membersihkan perkara-perkara sial yang membuatkan kita susah mendapatkan pekerjaan, untuk lelaki dan perempuan yang ingin berkahwin dan memberikan aura positif dengan mewangikan tubuh badan kita). |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah terdapat perbezaan tujuan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan?</b>   |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Saya tak pasti.</i><br>(Saya tidak pasti).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Berapakah jenis bunga dan bunga apakah yang digunakan dalam amalan ini? Mengapa?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Ni saya tak pasti berapse jenis bunga tapi kalau buat ritual ni mestilah dia guna bunga yang ade aura pastu bagi manfaat dekat orang tu. Contoh wangikan badan, naikkan aura dan sihatkan badan.</i><br>(Pada saya tidak berapse pasti jenis bunga itu, tetapi kalau mengadakan ritual ini mestilah menggunakan bunga yang mempunyai aura sekaligus memberikan manfaat kepada seseorang itu. Contohnya, mewangikan badan, menaikkan aura dan menyihatkan badan).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, apakah pantang larang mandi bunga?</b>   |

|                      |  |
|----------------------|--|
| <b>INFORMAN III:</b> | <p><i>Pada saya mungkin dari segi guna bahan tu, kene tengok sesuai ke tak dengan orang nak buat amalan mandi bunga ni. Contohnya, guna bahan yang rosakkan kulit ke apa dekat orang tu.</i></p> <p>(Pada saya mungkin dari segi penggunaan bahan itu,hendaklah diteliti dahulu sesuai atau tidak kepada seseorang yang ingin melakukan amalan mandi bunga ini. Contohnya, menggunakan bahan yang merosakkan kulit atau sesuatu pada seseorang itu).</p> |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah faktor budaya dan tradisi tempatan mempengaruhi cara mandi bunga?</b>  |
| <b>INFORMAN III:</b> | <i>Saya tak pasti pasal ni.</i><br>(Saya tidak pasti tentang ini).   |

#### TRANSKRIPSI INFORMAN IV

|                      |  |
|----------------------|--|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, apakah latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Mandi bungo ni diturunkan dari nenek moye kito dulu-dulu untuk buang bendo-bendo sial dekat kito pahtu mudohkan bendo baik jah ko kito.</i><br>(Mandi bunga ini diturunkan oleh nenek moyang kita dahulu bagi membuang perkara-perkara sial yang ada pada kita, selepas itu memudahkan perkara-perkara yang baik sahaja berlaku kepada kita). |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, adakah mandi bunga ini dilakukan hanya untuk pemujaan mistik atau makhluk halus?</b>   |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Sayo raso dok gitu, sebab ore buat mandi bungo ni sebab nok nikoh, nok dapat kijo gitu. Dio lebih ko bendo hok baik-baik jah.</i><br>(Saya rasa bukan begitu, kerana seseorang melakukan mandi bunga ini kerana mahu berkahwin, mahu mendapatkan pekerjaan begitu. Ia lebih kepada sesuatu yang baik-baik sahaja).                            |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah mandi bunga lebih kerap berlaku dalam konteks ritual tertentu di kawasan bandar maupun pekan?</b>  |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Pado sayo pekan lah sebab bahan-bahan ni sene dapat sano dari bandar.</i><br>(Pada saya pekan kerana bahan-bahan ini mudah didapati disana berbanding dengan bandar).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini mempunyai peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat?</b>  |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Mungkin kito keno ikut nok guno bungo hok mano.</i><br>(Mungkin kita hendak mengikuti bunga jenis apa yang digunakan).  |

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini dianggap salah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam?</b>   |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Bagi sayo dok canggoh dengan ajaran Islam kalau guno bendo melok jah.</i><br>(Pada saya tidak bercanggah dengan ajaran Islam sekiranya digunakan untuk sesuatu yang baik).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Apakah fungsi atau tujuan mandi bunga? (pandangan sendiri)</b>   |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Untuk wangikan tubuh, sihatkan badan pahtu buang bendo tok baik dale badan.</i><br>(Untuk mewangikan tubuh, menyihatkan badan, selepas itu, buang sesuatu yang tidak baik dalam badan).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah terdapat perbezaan tujuan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan?</b>  |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Sayo kure pasti pasal perbezaan ni, tapi bilo ikutkan perbezaan dio tu lebih kepada caro amalkan lah.</i><br>(Saya kurang pasti mengenai perbezaan ini, tetapi bila mengikutkan perbezaan ia lebih kepada cara melaksanakan amalan ini).                   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Berapakah jenis bunga dan bunga apakah yang digunakan dalam amalan ini? Mengapa?</b>   |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Sayo dok tahu bakpo keno guno bungo tu pahtu berapo jenis.</i><br>(Saya tidak tahu kenapa mesti menggunakan bunga tersebut, selepas itu berapa jenis digunakan).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, apakah pantang larang mandi bunga?</b>  |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Maaf sayo dok tahu pasal ni.</i><br>(Maaf saya tidak tahu mengenai ini).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah faktor budaya dan tradisi tempatan mempengaruhi cara mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN IV:</b>  | <i>Ya ado bezo dari segi bendo hok digunakan tu, maso denge tempat hok dipilih bagi jalankan mandi bungo ni.</i><br>(Ya, terdapat perbezaan dari segi bahan yang digunakan itu, masa dan tempat yang telah dipilih bagi menjalankan mandi bunga itu sendiri). |

#### TRANSKRIPSI INFORMAN V

|                      |  |
|----------------------|--|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, apakah latar belakang atau asal usul kepercayaan mandi bunga?</b> |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Mungkin mandi bunga ni hanya amale dari ore dulu-dulu jah tak dok dale kitab.</i>     |

|                      |  |
|----------------------|--|
|                      | (Mungkin mandi bunga ini hanya amalan masyarakat dahulu sahaja tiada dalam kitab).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, adakah mandi bunga ini dilakukan hanya untuk pemujaan mistik atau makhluk halus?</b>   |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo dok pasti.</i><br>(Saya tidak pasti).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah mandi bunga lebih kerap berlaku dalam konteks ritual tertentu di kawasan bandar mahupun pekan?</b>   |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo raso bandar sebab ore sano guno untuk kesihatan pahtu kecantikan kat spa tu.</i><br>(Saya rasa kawasan bandar kerana masyarakat di bandar menggunakan mandi bunga ini untuk kesihatan selepas itu kecantikan di spa).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini mempunyai peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat?</b>  |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo dok tahu yang mandi bungo ni ado peraturan gapo yang keno ikut.</i> (ketawa kecil).<br>(Saya tidak tahu yang mandi bunga ini mempunyai peraturan apa yang perlu diikuti).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Adakah mandi bunga ini dianggap salah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam?</b>  |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo dok berapo sangat tapi bagi sayo ado yang canggoh, ado yang dok canggoh.</i><br>(Saya kurang pasti tetapi bagi saya ada yang bercanggah, ada yang tidak bercanggah).   |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Apakah fungsi atau tujuan mandi bunga? (pandangan sendiri)</b>  |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Bagi sayo guno untuk cari jodoh.</i><br>(Pada saya digunakan untuk mencari jodoh).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah terdapat perbezaan tujuan mandi bunga di kawasan bandar dan pekan?</b>   |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo raso bezo dari segi fungsi dio tu.</i><br>(Saya rasa wujud perbezaan dari segi fungsi mandi bunga itu).  |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Berapakah jenis bunga dan bunga apakah yang digunakan dalam amalan ini? Mengapa?</b>  |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo dok tahu berapo jenis tapi sayo raso mandi bungo ni ore guna bungo hok bau wangi sajo jah sebab nok wangikan badan orang tu.</i><br>(Saya tidak pasti berapa jenis tetapi saya rasa mandi bunga ini seseorang menggunakan bunga yang menghasilkan wangian sahaja kerana ingin mewangikan badan seseorang). |

|                      |   |
|----------------------|---|
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pandangan anda, apakah pantang larang mandi bunga?</b>  |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo tok pasti, tapi sayo raso masolah. Dio keno ado maso hok molek kalau nok mandi bungo ni.</i><br>(Saya tidak pasti, tetapi saya merasakan masa. Ia mesti mempunyai masa yang sesuai jika ingin melakukan mandi bunga ini). |
| <b>PENEMU RAMAH:</b> | <b>Pada pendapat anda, adakah faktor budaya dan tradisi tempatan mempengaruhi cara mandi bunga?</b>   |
| <b>INFORMAN V:</b>   | <i>Sayo tok pasti.</i><br>(Saya tidak pasti).   |